


Jilid IV  
Bil. 6



Hari Isnin  
24hb April, 1978

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 495]

**PENERANGAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM [Ruangan 527]**

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 531]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 531]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEEMPAT**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

**Isnin, 24hb April, 1978**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SEKIM PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS**

**1. Tuan V. V. Aboo** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan di atas pendapat-pendapat dalam perenggan 175 Rancangan Malaysia Ketiga yang menyatakan bahawa kemajuan terhadap kemudahan-kemudahan pelajaran di ladang-ladang akan diberi perhatian yang lebih oleh Kerajaan. Setakat ini apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada dan untuk memberikan kemudahan-kemudahan baru.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana yang dimaksudkan di dalam perenggan 175 Rancangan Malaysia Ketiga itu, Kementerian Pelajaran sedang memberi kemudahan-kemudahan yang berikut bagi kemajuan pelajaran di sekolah-sekolah ladang:

- (1) Mengadakan kemudahan-kemudahan seperti gantian dan tambahan bilik-bilik darjah, bilik air dan tandas.
- (2) Kebanyakan sekolah-sekolah kecil yang menjalankan kelas-kelas percantuman (multiple class) telah pun disatukan.
- (3) Di mana yang boleh rumah-rumah guru-guru bagi sekolah-sekolah tersebut akan juga dibina.
- (4) Lebih banyak lagi guru terlatih di tempatkan di sekolah-sekolah di ladang-ladang.

(5) Hampir semua murid sekolah di ladang-ladang menikmati faedah-faedah Sekim Pinjaman Buku-buku Teks.

(6) Rancangan makanan dan pemakanan, Kementerian Pelajaran, diperluaskan kepada semua sekolah dalam daerah-daerah Sekim AMP di seluruh negara, tanpa mengira kedudukan sekolah-sekolah itu.

**PELARIAN FILIPINA DI SABAH**

**2. Tuan Chua Ching Cheng** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada bilangan yang besar pelarian Filipina di Sabah akan dibenarkan oleh Kerajaan untuk menetap di Negeri itu, jika tidak, bila Kerajaan bercadang hendak menghantar mereka balik ke negara asal mereka;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa bilangan pelarian di Sabah kini berjumlah lebih kurang antara 80,000 hingga 90,000 dan samada Kerajaan akan menjamin bahawa kehadiran mereka di Sabah tidak akan menjejaskan keselamatan Negara itu; dan
- (c) samada perkara ini pernah dibincangkan di peringkat diplomatik dengan Kerajaan Filipina.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Orang-orang pelarian Filipina tersebut datang ke Sabah melarikan diri untuk mendapatkan perlindungan dan Kerajaan telah memberikan perlindungan sementara di atas dasar peri kemanusiaan. Oleh itu, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menghantar mereka balik ke Filipina tetapi mereka bebas untuk pulang pada bila-bila masa;

- (b) Bilangan sebenar pendatang Filipina di Sabah ialah 71,422 orang. Kerajaan memang sentiasa mengawasi supaya kehadiran mereka tidak akan menjejaskan keselamatan; dan
- (c) Perkara ini tidak pernah dibincangkan dengan Kerajaan Filipina di peringkat diplomatik.

### **PERDANA MENTERI MALAYSIA— PERCUBAAN MENCULIK**

3. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah sekumpulan orang dari Malaysia dan Australia telah cuba menculik Perdana Menteri kita semasa beliau hendak pergi berehat ke Melbourne selepas menghadiri Persidangan Serantau Ketua-ketua Kerajaan Negarane-negara Komonwel di Sydney baru-baru ini. Jika ya, nyatakan adakah pasukan polis kita telah dapat menyiasat perkara ini dengan secara mendalam dan apakah kerjasama yang telah diberi oleh polis Australia mengenai perkara ini. Siapakah yang terlibat dalam percubaan menculik itu dan apakah hasil penyiasatan itu.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada maklumat dari punca yang dipercayai oleh pihak berkuasa Australia ada ugutan untuk menculik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau berada di Sydney. Di dalam membuat penyiasatan mengenai kumpulan yang terlibat pasukan Polis Malaysia telah mendapat kerjasama yang memuaskan dari pihak berkuasa keselamatan Australia. Sehingga kini usaha-usaha penyiasatan masih dijalankan di dalam menentukan pihak-pihak yang terlibat dalam rancangan tersebut.

### **LORI MEMBAWA TRAILER**

4. Tuan V. S.M. Vellayappa minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah jaminan-jaminan keselamatan yang ditentukan bagi lori-lori yang membawa "trailer" panjang menggunakan jalanraya kerana "trailer" ini mendatangkan bahaya lalulintas kepada pemandu-pemandu motokar dan lain-lain dan menyebabkan banyak kemalangan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya peraturan-

peraturan memang sedia ada menghadkan lebar dan panjangnya kenderaan-kenderaan perdagangan termasuk lori-lori yang membawa "trailer" panjang supaya keselamatan jalanraya terjamin.

Di samping itu lori-lori yang membawa "trailer" terlalu panjang seperti "low-loader" sebelum dibenarkan bergerak di jalanraya adalah dikehendaki mematuhi syarat-syarat tertentu seperti berikut:

- (i) Kenderaan yang berkenaan dikehendaki dibenarkan membawa satu permit khas yang membenarkan penggunaannya di jalanraya oleh Jurutera Jabatan Kerjaraya Negeri-negeri yang berkenaan.
- (ii) Oleh sebab kenderaan-kenderaan itu terlalu panjang dan lebar dan mungkin mengganggu perjalanan kereta-kereta dan pengguna-pengguna jalanraya yang lain, Ketua Polis Daerah yang berkenaan hendaklah diberitahu mengenai pergerakan kenderaan tersebut sekurang-kurangnya 24 jam sebelum kenderaan itu bergerak supaya perjalanan lalulintas dapat diatur mengikut pertimbangan yang dirasakan perlu; dan
- (iii) Kenderaan-kenderaan itu hanya digunakan di atas jalanraya apabila didahului dengan motosikal atau unit kenderaan amaran untuk memberitahu akan ketibaannya dan menarik perhatian lalulintas yang lain.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan dikenakan beberapa syarat lori-lori yang membawa trailers itu adakah Kerajaan bercadang satu ketika kelak bahawa penggunaan lori dengan trailers itu tidak akan dibenarkan. Kedua, apakah mustahak Kerajaan meluluskan lori yang membawa trailers itu pada masa sekarang?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, kadangkala barang-barang yang diangkut memerlukan kenderaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian, Kementerian tidak bercadang mengharamkan kereta-kereta seperti tersebut berjalan. Walau bagaimanapun, seperti saya perkatakan tadi syarat-syarat tertentu biasanya dikuatkuasakan.

**Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman:** Soalan tambahan. Selepas saya mendengar Timbalan Menteri menjawab tadi

ialah ada syarat-syaratnya tetapi mereka itu tidak mengikut syarat dengan sebab saya sendiri pun telah terkena, ada lori membawa batu terlampau penuh, batu itu jatuh sampai pecah cermin kereta saya. Apakah tindakan akan diambil?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, saya haraplah Ahli Yang Berhormat menulis surat memberi butir-butir supaya dapat diambil tindakan terhadap kereta itu.

### UJIAN OBJEKTIF DI SEKOLAH-SEKOLAH

**5. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa ujian objektif yang disusun oleh guru-guru dalam sekolah-sekolah menimbulkan kekacauan kerana nampaknya setengah-setengah soalan boleh dibuat dalam beberapa jawapan atau boleh dibuat dengan jawapan-jawapan yang tidak boleh dicari untuk pilihan-pilihan (alternative) yang dibekalkan dalam soalan-soalan itu; dan
- (b) apa latihan telah atau sedang dibekalkan kepada guru-guru supaya membolehkan mereka menyiasat ujian-ujian objektif dengan lebih munasabah.

**Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah kurang jelas. Walau bagaimanapun, sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai ujian penggal sekolah di mana soalan-soalan untuk murid-murid disediakan oleh guru untuk murid-murid mereka sendiri, ada kemungkinan perkara sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku jika soalan-soalan disediakan oleh guru-guru yang tidak cukup pengalaman ataupun latihan. Guru-guru Besar akan dinasihatkan supaya memberi perhatian berat terhadap perkara ini.
- (b) Mengenai latihan pula, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Lembaga Peperiksaan akan mengendalikan satu woksyp bagi melatih pegawai-pegawai pelajaran negeri dan Kementerian yang berkenaan mengenai prinsip-prinsip

ujian dan latihan penulisan item bagi ujian objektif. Woksyp itu dijangka akan diadakan pada awal tahun 1979 nanti.

### UGAMA ISLAM—PENYELARASAN PENTADBIRAN

**6. Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan samada pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dapat menyelaraskan urusan-urusan Ugama di Jabatan-jabatan Ugama Islam Negeri-negeri di Malaysia, mengenai:

- (a) perkahwinan dan penceraian; dan
- (b) pembahagian harta pesaka.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia sentiasa berusaha supaya terdapat penyelarasan dalam pengurusan pentadbiran ugama di Jabatan Ugama Negeri-negeri. Penyelarasan ini termasuklah dalam pentadbiran perkahwinan dan penceraian serta pembahagian harta-pesaka. Penyelarasan ini adalah melalui mesyuarat-mesyuarat bagi pengerusi-pengerusi Majlis Ugama Islam Negeri, Ketua-ketua Jabatan Ugama Islam Negeri dan seminar-seminar bagi Pegawai-pegawai Ugama Islam. Pertukaran pendapat ini sentiasa digalakkan di kalangan mereka. Adapun tujuan ditubuhkan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia adalah untuk menyelaraskan urusan-urusan ugama-ugama di Jabatan-jabatan ugama Islam dalam Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah kedudukan untuk menyelaraskan masaalah ini sedaneakan ada negeri-negeri tak masuk di bawah Mailis Kebangsaan Ugama Islam seperti Negeri Pahang dan Kedah. Bagaimanakah kedudukannya dalam perkara di atas kedua buah negeri itu?

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun negeri-negeri itu belum masuk menjadi anggota secara rasmi dalam Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tetapi hubungan pentadbiran dan perasaan muhibbah di antara negeri-negeri itu dengan pentadbiran Pusat Islam ataupun dengan Jabatan Ugama Negeri adalah berjalan lancar.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Setelah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu berjalan dengan lancar di setengah negeri yang tak menjadi anggota itu mengikut kehendak-kehendak motif Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Ugama Islam adakah Timbalan Menteri berkenaan tahu bahawa umat Islam selain daripada negeri tersebut itu apabila hendak bernikah dia lebih suka pergi ke negeri Pahang, sebab di negeri Pahang tidak mensyaratkan minta izin kepada isteri pertama. Adakah Kementerian ini sedar dalam hal ini?

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu mungkin heboh menerusi akhbar-akhbar tetapi keadaan yang sebenarnya keseluruhan hal ehwal pentadbiran nikah-cerai dan lain-lain hampir-hampir telah dapat diselaraskan apabila perjumpaan Ketua-ketua Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam yang kita adakan tiap-tiap dua bulan sekali itu menubuhkan jawatankuasa dan membuat kajian supaya masalah-masalah yang timbul di satu negeri dapat diatasi bagi penyelarannya.

**Tuan V. V. Aboo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika pembahagian harta pesaka dijalankan berlainan di antara negeri-negeri adakah salah dari segi undang-undang Islam?

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Soalan ini terlampau umum. Sebenarnya, semua Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri adalah menjalankan urusan dalam masalah harta pesaka, faraid dan sebagainya mengikut undang-undang Islam iaitu berpandukan Al-Quran dan Hadis serta Sunnah Rasulullah.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang diketahui di antara negeri-negeri di Malaysia ini berkenaan dengan pentadbiran undang-undang hukum syarak ada berlainan, maka yang dikehendaki dengan penyelarasan sebagaimana yang dikehendaki oleh Timbalan Menteri tadi, saya suka dapat tahu penyelarasan macam mana? Adakah berkenaan denda itu hendak diselaraskan ataupun kadang-kadang biasanya dalam undang-undang itu ada perkara-perkara yang menjadi salah di dalam undang-undang di satu negeri tetapi tidak menjadi salah di satu negeri yang lain. Penyelarasan yang dikehendaki ini adakah yang tidak menjadi kesalahannya di satu negeri itu akan menjadi salah

kesemuanya sebagaimana penyelarasan Undang-undang Tanah (Kanun Tanah Negara). Adakah penyelarasan itu sampai kepada had itu, maknanya dibuatkan satu undang-undang yang bertaraf undang-undang nasional bagi undang-undang hukum syarak?

**Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih. Itulah tujuannya di peringkat akhir kelak setelah perasaan muhibbah lahir di antara Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri dan sebagaimana kita sama maklum adalah masalah hal ehwal ugama ini ialah di bawah kuasa Negeri-negeri; di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan dan Raja-raja, segala sesuatu peraturan penyelarasan ini biasanya perlu dibawa kepada Majlis Kebangsaan dan juga dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja bagi diperkenankan. Apabila itu berlaku, maka barulah boleh pihak Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri membuat penyelarasan seperti yang tersebut.

## RUMAH PEKERJA LADANG

**7. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan menimbang untuk mengadakan satu undang-undang yang meminta tuanpunya-tuanpunya ladang menjual setengah ekar dari tanah ladangnya kepada pekerja-pekerja yang telah berkhidmat lebih dari 20 tahun dengan harga yang murah untuk tujuan membuat rumah memandangkan bahawa terdapat sekarang setengah pekerja-pekerja ladang getah yang telah berkhidmat di antara 20 hingga 30 tahun masih tidak mempunyai rumah sendiri setelah mereka bersara.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Kementerian ini sedar mengenai masalah perumahan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang akan tetapi tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang meminta tuanpunya-tuanpunya ladang itu menjual tanah-tanah ladang mereka kepada pekerja-pekerja untuk tujuan perumahan. Sebaliknya, Kerajaan Pusat sedang berusaha untuk mendapatkan kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri dan majikan-majikan swasta supaya membekalkan tanah untuk memajukan sekim memilik rumah bagi pekerja-pekerja, sebagaimana yang dicadangkan oleh badan petugas yang ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

pada tahun 1973. Sehingga sekarang dengan kerjasama di antara Kerajaan-kerajaan Negeri, majikan-majikan ladang dan Kerajaan Pusat terdapat beberapa sekim perumahan yang telahpun siap dan sedang dalam proses pembinaan. Satu sekim yang telah disiapkan baharu-baharu ini di ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah di mana 150 keluarga telah dipindahkan ke rumah-rumah mereka sendiri.

Di Kuala Selangor peringkat pertama Sekim Ladang Tanamaman telah siap dengan 38 rumah sementara peringkat kedua bagi 72 rumah akan siap tidak berapa lama lagi. Kementerian ini sentiasa mempunyai hubungan rapat dengan pihak majikan swasta dengan tujuan untuk memberi apa-apa bantuan yang boleh untuk memajukan sekim ini.

Kementerian ini juga berpuas hati dengan sambutan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan tuan-tuan punya ladang serta berharap sekim-sekim ini akan merupakan satu langkah yang besar dalam menyelesaikan masalah perumahan bagi pekerja-pekerja ladang.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, bilakah boleh disiapkan semua rumah-rumah itu di seluruh negara iaitu berapa tahun. Pekerja-pekerja yang ada dalam negara kita lebih kurang 300,000 orang lebih, kalaulah keadaan semacam ini berjalan barangkali 200 tahun atau 300 tahun pun perkara ini tidak boleh diselesaikan. Bolehkah pihak Kementerian mengambil tindakan dengan membuat undang-undang bahawa orang-orang yang bekerja selama 20 atau 30 tahun di dalam estet apabila mereka itu mencapai umur 55 tahun mereka tidak disuruh keluar. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada Allahyarham Tun Abdul Razak atas sekim ini tetapi perjalanannya terlalu lambat. Pekerja-pekerja ini juga telah bersama-sama membangunkan negara ini, bolehkah Kementerian ini membuat undang-undang atau mengambil tindakan atas perkara ini.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang sebagaimana disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat ini tidak dapat diwujudkan menerusi pengertian yang biasa. Walau bagaimanapun, jentera untuk mewujudkan sekim sebagaimana yang dingini oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun bergerak se-

menjak tahun 1973 dan jika Ahli Yang Berhormat meneliti kesan-kesan yang telah diambil dan dengan jumlah rumah-rumah yang telah, sedang dan akan dibina ini hasrat beliau itu adalah menelurkan satu hasil yang sama-sama ditunggu oleh pekerja-pekerja. Jangka masa tidak dapat saya memberi jaminan tetapi projek ini lantas berjalan tanpa apa-apa halangan.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah dibuat satu undang-undang, sesiapa bekerja di dalam estet. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sudah dijawab, janganlah diulang lagi.

## BUMIPUTRA DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

**8. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) memandangkan bahawa Kerajaan telah mengadakan berbagai maktab yang dikhaskan untuk pelajar-pelajar Bumiputra seperti Institiut Teknologi MARA, Maktab Tengku Kursiah, Seremban, Maktab Perguruan Perempuan Melaka dan Maktab Melayu, Kuala Kangsar, berapakah jumlah bilangan pelajar di setiap buah maktab tersebut dengan memberikan angka pecahan mengikut Negeri di Malaysia;
- (b) sebab-sebab terdapat kurangnya qota bilangan pelajar dari beberapa buah negeri di Maktab-maktab tersebut; dan
- (c) samada kesemua pelajar-pelajar ini mendapat biasiswa, dan jika tidak, mengapa.

**Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pelajar Bumiputra di Institusi-institusi pelajaran sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

(i) INSTITIUT TEKNOLOJI MARA:

	<i>Orang Pelajar</i>
Johor .. .. .	951
Kedah .. .. .	586
Kelantan .. .. .	585
Melaka .. .. .	344

Negeri Sembilan .. ..	393
Pahang .. .. .	319
Perak .. .. .	861
Perlis .. .. .	135
Pulau Pinang .. .. .	556
Sabah .. .. .	490
Sarawak .. .. .	311
Selangor .. .. .	809
Trengganu .. .. .	460
Wilayah Persekutuan ..	535
Singapura (iaitu warganegara Malaysia yang tinggal di Singapura) .. .. .	108
JUMLAH ..	<u>7,443</u>

## (ii) KOLEJ TUNKU KURSIH:

	<i>Orang Pelajar</i>
Wilayah Persekutuan ..	73
Perlis .. .. .	11
Kedah .. .. .	24
Perak .. .. .	87
Pulau Pinang .. .. .	41
Kelantan .. .. .	41
Trengganu .. .. .	26
Pahang .. .. .	36
Selangor .. .. .	91
Negeri Sembilan .. ..	41
Melaka .. .. .	47
Johor .. .. .	78
Sabah .. .. .	5
Sarawak .. .. .	4
JUMLAH ..	<u>605</u>

## (iii) KOLEJ MELAYU KUALA KANGSAR:

	<i>Orang Pelajar</i>
Wilayah Persekutuan ..	23
Perlis .. .. .	11
Kedah .. .. .	47
Perak .. .. .	85
Pulau Pinang .. .. .	42
Kelantan .. .. .	47
Trengganu .. .. .	25
Pahang .. .. .	37
Selangor .. .. .	150
Negeri Sembilan .. ..	33
Melaka .. .. .	52
Johor .. .. .	54
Sabah .. .. .	6
Sarawak .. .. .	4
JUMLAH ..	<u>616</u>

(iv) MAKTAB PERGURUAN PEREMPUAN  
MELAKA:

	<i>Orang Pelajar</i>
Perlis .. .. .	8
Kedah .. .. .	57
Pulau Pinang .. .. .	24
Perak .. .. .	79
Selangor .. .. .	77
Negeri Sembilan .. ..	30
Melaka .. .. .	43
Johor .. .. .	87
Kelantan .. .. .	60
Trengganu .. .. .	26
Pahang .. .. .	20
Sabah .. .. .	—
Sarawak .. .. .	—
JUMLAH ..	<u>511</u>

(b) Secara am pengambilan pelajar-pelajar di institusi-institusi pelajaran itu tidak berpandukan kepada sebarang quota tetapi adalah berdasarkan kepada kelayakan akademik tiap-tiap pelajar. Di dalam pengambilan pelajar-pelajar ke maktab perguruan, Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran memilih calon-calon yang paling sesuai berdasarkan kepada kelayakan akademik, sikap, gerakkerja luar darjah, prestasinya semasa temuduga. Tidak ada quota yang ditetapkan bagi satu-satu negeri itu.

(c) Tidak semua pelajar di ITM mendapat biasiswa. Walau bagaimanapun pelajar-pelajar yang tidak mendapat biasiswa itu hanya dikenakan bayaran sumbangan penggal yang kecil sahaja, mengikut kemampuan penjaga-penjaga mereka.

Dari 616 orang pelajar Maktab Melayu, Kuala Kangsar seramai 354 adalah pemegang biasiswa dan dari jumlah 659 pelajar di Kolej Tunku Kursiah Seremban pemegang biaswanya adalah seramai 331. Kriteria yang digunakan bagi pemberian biasiswa ialah berdasarkan pendapatan ibu/bapa atau penjaga yang tidak lebih \$800.00 sebulan. Bagi ibu/bapa atau penjaga yang mempunyai pendapatan bulanan antara \$800.00 dan tidak lebih daripada \$850.00 pertimbangan pemberian tersebut adalah bergantung kepada jumlah tanggungan yang lebih daripada 6 orang.

Semua calon yang diambil untuk mengikut latihan di Maktab-maktab Perguruan di Semenanjung Malaysia diberi elaun guru pelatih sebanyak \$40 sebulan untuk mereka yang tinggal di asrama atau \$150 sebulan bagi mereka yang tidak tinggal di asrama.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa penuntut-penuntut di ITM seramai 7,443 orang. Di antara penuntut yang begitu ramai, adakah telah sampai ke pengetahuan Kementerian Pelajaran bahawa seorang daripada penuntut-penuntut itu telah hilang sehingga sekarang ghaib tidak tahu di mana. Apakah langkah Kementerian membuat usaha dan apakah langkah mengawal supaya tidak terjadi perkara ini berulang lagi.

**Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini soalan lain.

### PENYERTAAN 30% BUMIPUTRA

**9. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan pada masa pelaksanaan Rancangan Malaysia yang Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru apakah usaha-usaha yang telah dibuat untuk menentukan supaya matlamat 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian akan tercapai.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan untuk mencapai matlamat 30% penyertaan Bumiputra pada 1990 meliputi berbagai jurusan.

Yang pertamanya ialah dasar yang telah diumumkan dan diterima oleh semua pihak—iaitu apa yang dikenakan sebagai Dasar Ekonomi Baru. Dengan adanya dasar ini dan penerimaannya maka semua pihak termasuk pegawai Kerajaan, masyarakat perniagaan dan pengusaha yang terdiri dari orang bumiputra, orang keturunan China dan India dan orang asing dan firma-firma dapat faham matlamat negara dan dapat menyediakan diri untuk perubahan yang mesti dilakukan atau berlaku. Umpamanya kalau dahulu syarikat-syarikat China tidak pernah mengadakan perkongsian pekerja bumiputra oleh kerana dasar negara memerlukan sekarang mereka telah datang untuk mencari rakan

perkongsian dan pekerja dari orang bumiputra. Begitu juga dengan syarikat asing yang dahulu bukan sahaja tidak menerima modal bumiputra tetapi tidak mengambil pekerja bumiputra. Sekarang mereka memberi tempat kepada bumiputra di semua lapisan dan bidang.

Yang kedua Kerajaan menyediakan undang-undang yang boleh menolong memberi tempat dalam pemilikan saham dan jawatan kerja kepada bumiputra. Dengan penguatkuasaan undang-undang ini bahagian bumiputra akan meningkat ke paras yang ditentukan.

Yang ketiga, memandang bahawa sungguhpun diberi untuk memilik saham yang banyak, bumiputra tidak mempunyai modal yang cukup untuk memilikinya, Kerajaan telah mengambil tindakan memiliki sementara saham-saham ini sebagai pemegang amanah kepada bumiputra. Apabila ada bumiputra yang layak mereka bolehlah membeli dan memiliki saham yang diperuntukkan bagi mereka.

Untuk menjayakan usaha ini Kerajaan telah menubuhkan beberapa badan berkanun dan syarikat kepunyaan Kerajaan. Badan-badan ini diperuntukkan wang dan dilengkapi dengan kakitangan yang majoritinya bumiputra dan badan-badan ini melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung dengan perniagaan dan perusahaan. Dengan berjuta-juta ringgit yang di peruntukkan oleh Kerajaan, saham-saham dapat dibeli yang mana, jika tidak, saham ini akan lepas ke tangan bukan bumiputra. Dengan ini bukan sahaja peluang bumiputra memiliki saham akan terus terbuka tetapi perniagaan tidak terganggu kerana menunggu modal bumiputra.

Peluang dan saham sahaja tidak akan menjamin kekalnya penyertaan bumiputra. Untuk menentukan peluang dan saham terus dimiliki oleh bumiputra mereka perlulah ada kecekapan mengurus. Untuk ini Kerajaan telah menyediakan pusat latihan dalam semua bidang dan di semua peringkat. Pusat ini termasuklah pusat-pusat latihan MARA, ITM, Pusat Daya Pengeluaran Negara, INTAN, Kursus-kursus Pengurusan dan Usahawan di Universiti di dalam dan luar negeri dan lain-lain. Basiswa-basiswa juga diadakan untuk membolehkan bumiputra yang layak menerusi pelajaran dalam bidang pengurusan.

Di samping itu berbagai jenis bantuan diberi kepada bumiputra. MARA, UDA, PKEN dan lain-lain memberi bantuan wang dan tempat kepada bumiputra. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mengadakan lesen dan berusaha untuk memberi agensi perniagaan kepada bumiputra.

Hasil dari usaha-usaha ini dan lain-lain usaha yang tidak dapat saya senaraikan sudahpun nyata. Hari ini terdapat peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha bumiputra begitu ramai sehingga sudah bermula teguran dari bumiputra sendiri kerana irihati melihat Dasar Ekonomi Baru membawa kejayaan orang bumiputra. Badan-badan kepentingan bumiputra pula sudah berjaya sehingga pihak lain tidak senang hati.

Peratusan penyertaan bumiputra dalam berapa jurusan sudah meningkat tinggi dan dalam semua bidang penyertaan mereka sudah berkesan atau sekurang-kurangnya nyata. Oleh itu, kita yakin matlamat 30% penyertaan bumiputra pada 1990 akan dicapai.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menerangkan kemajuan yang telah di capai dalam semua bidang. Tetapi saya suka bertanya daripada semua kemajuan setakat ini bolehlah kita pasti kemajuan ini telah mencapai 20% atau baru 10%. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, dasar ini adalah satu dasar jangka panjang sehingga tahun 1990 dan kita pasti bahawa pada tahun 1990 kita akan dapat mencapai peratusan itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi satu penggalakkan yang sangat baik berhubung dengan peluang Bumiputra boleh berkongsi dengan orang-orang yang bukan Bumiputra dan banyak lesen-lesen yang diberikan kepada Bumiputra dalam bidang ini. Saya hendak bertanya Kementerian ini, adakah Kementerian ini diberi kebenaran dalam masaalah perniagaan "Ali-Baba" yang dibuat oleh Bumiputra; dan kalau keadaan ini dibenarkan oleh Kementerian ini, tidakkah ini bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru kita?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, huruf "Ali-Baba" ini telah digunakan bermacam-macam tempat oleh beberapa orang dan mengadakan interpretasi masing-masing. Kalau seseorang itu ada modal yang banyak dan usahanya ialah semata-mata untuk melabur dan tidak mengambil bahagian lain ia juga menyertai perusahaan itu dengan cara melabur sahaja, adakah ini juga dikatakan "Ali-Baba" dan ini boleh diinterpretasi dengan pendapat masing-masing. Tetapi secara umum pihak Kerajaan kita tidak menggalakkan perniagaan atau perusahaan dijalankan secara "Ali-Baba".

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Kalau ini jawapannya Kerajaan juga belum dapat satu takrif yang betul bagaimana rupa bentuk "Ali-Baba". Lagi satu usaha baru ada berniaga "Kassim-Baba" (*Ketawa*). Dia ada dua macam. Kalau dia tidak boleh pergi kepada Ali dia pergi kepada Kassim. Adakah Kementerian ini membuat satu takrif bagaimana rupa perniagaan "Kassim-Baba", "Ali-Baba" ini supaya tidak boleh diujudkan dan ini adalah satu penekanan kepada ekonomi Bumiputra.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan kita berkehendakkan Bumiputra mengambil bahagian dalam sesuatu perusahaan itu dalam semua segi. Kita tidak akan menggalak Ali-Baba atau Kassim-Baba seperti yang saya terangkan tadi.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah disebutkan bahawa UDA adalah sebagai sebuah badan untuk membantu mencapai matlamat 30%. Bolehkah saya mendapat satu penjelasan dengan adanya UDA ini peratusan yang diperolehi daripada kemajuan UDA adakah dapat menolong mencapai 30% atau mengurangkan. Sebab apa yang dapat dilihat setiap kali perjalanan UDA dibuat bukanlah Bumiputra yang mendapat faedah tetapi yang sebenarnya result berlaku sebaliknya, jadi increase di sebelah yang telah banyak, decrease yang di sebelah bagi mencapai matlamat 30%.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soal itu tidak berapa khusus tetapi usaha UDA adalah untuk membanyakkan Bumiputra memiliki harta-harta untuk

berniaga dan juga tempat duduk seperti mengambil bahagian di dalam kemajuan-kemajuan perumahan dan dengan keadaan itu kita yakin bahawa peratusan akan meningkat.

### PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

**10. Tuan Ismail bin Hashim** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang enggan balik berkhidmat di Malaysia selepas lulus pengajian mereka di sana; dan adakah memadai dengan jalan hanya memberitahu Kerajaan Negara-negara berkenaan supaya jangan mengambil mereka bekerja.

**Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah tersebut Kerajaan tidak dapat berbuat lebih dari meminta kerjasama negara-negara yang berkenaan supaya jangan mengambil bekerja pelajar-pelajar Malaysia yang enggan balik berkhidmat di Malaysia selepas tamat pengajian mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah menjadi hak asasi seseorang itu untuk memilih negara yang disukainya. Walau bagaimanapun bagi seseorang pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan, ia bolehlah didakwa sekiranya melanggar perjanjiannya dengan Kerajaan. Tetapi Kerajaan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memaksa pelajar-pelajar persendirian pulang untuk berkhidmat di Malaysia.

### KEMALANGAN KAPALTERBANG MAS B 737

**11. Tuan Choo Ching Hwa** bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau akan membentangkan hasil-hasil penyiasatan terhadap nahas kapalterbang MAS dekat Tanjung Kupang pada 4hb Disember 1977 dan samada langkah-langkah keselamatan telahpun diambil oleh Jabatan Penerbangan Awam dan lapangan-lapangan kapalterbang untuk mencegah dari menjadi lagi nahas ini. Adakah langkah-langkah ini dikuatkuasakan pada kesemua lapangan-lapangan kapalterbang dalam negeri di Malaysia.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan yang teliti terhadap kemalangan tersebut masih dijalankan oleh Ketua Pegawai Penyiasatan di Jabatan Penerbangan Awam yang ditubuhkan di bawah "Air Navigation Ordinance 1952". Investigation of Accidents Regulations 1953.

Ketua Pegawai Penyiasat telah meminta kerjasama orang ramai supaya memberikan segala maklumat berhubung dengan kemalangan ini mengikut Peraturan 7 (c) Investigation Accidents Regulations 1953 dan segala maklumat itu hendaklah disampaikan kepada pihaknya selewat-lewatnya pada 30hb Mac ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum beberapa alat-alat penting telah di jumpai semasa kerja-kerja menggali rangka kapalterbang itu dan antaranya termasuklah Flight Data Recorder, Cockpit Voice Recorder serta juga bahagian-bahagian penting badan kapalterbang tersebut. Flight Data Recorder dan Cockpit Voice ini telah dihantar ke England untuk dianalisa. Setakat ini hanya sedikit maklumat sahaja telah diperolehi daripada alat peti hitam. Analisa mendalam sedang dijalankan dimakmal di London dan segala maklumat ini akan diproses oleh Ketua Pegawai Penyiasatan yang kemudiannya akan mengemukakan satu laporan yang lengkap kepada saya apabila siap. Sehingga laporan ini diterima adalah tidak sesuai bagi saya untuk memberi apa-apa kenyataan lanjut tentang perkara ini.

Mengenai keadaan kawalan keselamatan di lapangan-lapangan terbang di negara kita, ia sentiasa dikaji dari masa kesemasa. Pada masa ini pihak Jabatan Penerbangan Awam sedang mengambil tindakan-tindakan dan langkah-langkah positif untuk memperketatkan lagi kawalan keselamatan di lapangan-terbang. Antaranya ialah rancangan-rancangan Jabatan itu untuk mengadakan Perkhidmatan Keselamatannya sendiri untuk mengawal keselamatan lapangan-lapangan-terbang di bahagian udara di semua lapangan-lapangan-terbang yang berjadual dan melengkapkan alat-alat pengesan yang moden bagi membuat pemeriksaan ke atas beg-beg dan penumpang-penumpang yang hendak menaiki kapalterbang.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya cuma hendak bertanya dalam masalah

kajian peti hitam yang telah dihantar ke England untuk dianalisa dan setelah selesai lapuran itu akan diberikan kepada Yang Berhormat Menteri dan akan diumumkan kepada rakyat negeri ini. Saya cuma hendak tahu bila jangkanya analisa ini dapat disiapkan dan lapuran akan disampaikan kepada orang ramai, adakah selepas pilihanraya akan datang?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, sebanagian daripada analisa itu telahpun disampaikan tetapi kita belum dapat cukup maklumat daripada itu dan bagaimana saya kata tadi sehingga 30hb Mac Ketua Pegawai Penyiasat menerima 20 surat dan kesemuanya adalah meminta maklumat lanjut tentang kemalangan tersebut, tidak ada yang memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki.

Perkara ini memang Kerajaan ingat sangat penting dan apabila kita mengeluarkan satu lapuran, itu mestilah dikandungi dengan lengkap sebab itu adalah jiwa 100 orang yang hilang dan ada beberapa perkara yang kita hendak timbangkan sebelum lapuran yang kita keluarkan itu. Ini tidak ada kenamengena dengan pilihanraya.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan yang di-Pertua saya cuma hendak bertanya satu perkara sahaja. Adakah kelewatan kita mendapat maklumat-maklumat ini satu perkara biasa ataupun kejadian ini satu perkara yang luar biasa daripada kemalangan-kemalangan yang pernah berlaku di dunia?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ini adalah biasa.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi beliau ada menyatakan langkah-langkah sedang diambil untuk menyakinkan bahawa keselamatan di lapanganterbang kita akan terjamin. Saya suka bertanya samada dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah langkah pengesanan, umpamanya, alat-alat mengesan barang-barang, beg-beg yang dimasukkan itu dan adakah alat-alat itu akan diadakan di semua lapanganterbang di negara kita ataupun hanya di beberapa lapanganterbang sahaja?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam negara kita

ada lebih daripada 90 lapanganterbang di seluruh negara kita dan jika kita hendak adakan alat-alat, jentera-jentera yang sepe-nuhnya di semua lapanganterbang ini memang susah sedikit. Tetapi Kerajaan sedia untuk mengadakan barang-barang, alat-alat yang mencukupi di dalam lapangan-lapangan-terbang yang berjadual. Itu adalah lebih kurang 30 lapanganterbang di dalam negara kita dan termasuk juga dari alatnya itu X-ray equipment dan lain-lain.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, antara alat-alat yang telah dijumpai di tempat kejadian itu yang mana saya rasa amat dukacita atas kejadian itu, rakyat ingin tahu selain daripada alat-alat yang dikatakan telah dijumpai itu adakah senjata-senjata telah didapati?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menunggu untuk menjawab perkara ini sebab ini adalah berkaitan dengan siasatan yang dijalankan pada masa sekarang.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan kita di Malaysia apa juga sedikit hal semua hendak hantar kepada pakar di Eropah, Amerika ataupun di lain-lain negeri. Tidakkah ada pakar ataupun orang-orang yang ada kebolehan dan fahaman yang tertentu, katalah, dalam hal ini di tanahair kita ini, apa pendapat mereka sendiri. Saya minta Menteri yang berkenaan tolong menerangkan mengapa, tidakkah ada pakar-pakar dalam negeri ini yang dapat menentukan samada perbuatan itu pengkhianatan ataupun sahaja nasib malang, sendiri sahaja meletup. Bagaimana pendapat pakar dalam negeri ini?

Saya bimbang kerana apabila berlaku sesuatu kemalangan di tanahair kita ini, hantar kepada pakar di England, Amerika, seolah-olah tanahair kita ini langsung bingung, tidak mempunyai seorang yang boleh mempunyai pendapat yang terang atau jelas.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, bukan kita tidak ada pakar-pakar di dalam negara kita tetapi alat-alat yang menyelesaikan perkara-perkara ini adalah sangat penting dan sangat mahal. Jadi bukan sahaja negara Malaysia menghantar barang-barang begitu kepada negara-negara, umpamanya Britain ataupun Australia ataupun Amerika tetapi negara-negara maju pun

menghantar kepada negara-negara ini sebab negara-negara ini adalah specialised atas perkara-perkara ini. Kalau kita hendak buat begitu, ini bukan satu perkara yang kecil yang kita hendak buat dengan segera sahaja.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan perkara keselamatan di lapangan terbang, saya minta penjelasan dari Menteri yang berkenaan mengapa ada perbezaan, kalau kita naik kapal terbang daripada Pulau Pinang maka beg-beg yang dimasukkan ke perut kapal terbang itu terpaksa diperiksa satu demi satu, tetapi sebaliknya kalau kita naik daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang maka beg ini dimasukkan dengan tidak diperiksa sama sekali.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Perkara ini, saya boleh siasat, Tuan Yang di-Pertua.

### HUKUMAN MATI

**12. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah di Negeri ini kerana kesalahan memiliki senjata. Dari bilangan ini berapakah yang telah menjalani hukuman mati itu; dan
- (b) bilangan pengedar-pengedar dadah yang telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah di Negeri ini kerana kesalahan mengedar dadah. Daripada angka ini berapakah yang telah menjalani hukuman mati.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jumlah bilangan orang yang telah dijatuhkan hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi atas kesalahan memiliki senjata ialah seramai 46 orang dari tahun 1975 sehingga tahun 1977. Kesemua itu telah membuat rayuan kepada Mahkamah Persekutuan. Lima daripada rayuan tersebut telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan dan kemudiannya telah memohon ampun Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Yang lain-lainnya masih lagi menunggu keputusan di atas rayuan mereka daripada Mahkamah Persekutuan.

(b) Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini hanya seorang sahaja yang telah dijatuhkan hukuman mati kerana mengedar dadah iaitu pada tahun 1976 oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Walaupun demikian, selepas rayuan hukuman itu telah dipinda kepada penjara seumur hidup.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hingga setakat ini seorang pun belum dijalankan hukuman lagi. Adakah telah dijalankan?

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Saya fikir soalan itu saya telah jawab dalam soalan pokok—belum lagi.

### LEBUHRAYA, ALOR STAR—JOHOR BAHRU

**13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) setakat mana kemajuan yang telah diperolehi projek lebuhraya Alor Star ke Johor Bahru yang menelan belanja 1,000 juta ringgit dan di antaranya lebuhraya yang mana telah dimulakan dan bila jangkaan siapnya;
- (b) adakah hingga masa ini menerima bantahan daripada pengguna jalanraya itu kiranya kutipan tol dijalankan di lebuhraya tersebut; dan
- (c) mana swasta yang telah menerima tawaran untuk menjalankan projek tersebut.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek-projek yang terlibat di dalam sistem pemberian kerja secara "Package Contract" daripada Utara ke Selatan Semenanjung Malaysia adalah terbahagi kepada beberapa seksyen seperti berikut:

Dari Alor Star ke Changkat Jering;  
 Dari Changkat Jering ke Ipoh;  
 Dari Ipoh ke Bidor;  
 Dari Tanjong Malim ke Kuala Lumpur;  
 Dari Seremban ke Air Hitam, Johor;  
 Dari Air Hitam ke Kulai-Tampoi;  
 New Klang Valley Expressway.

Pada masa sekarang seksyen dari Changkat Jering ke Ipoh dan sebahagian daripada seksyen dari Ipoh ke Bidor telah siap direkabentuk. Pembinaan kedua-dua seksyen ini dijangka bermula pada tahun 1979 selepas sahaja "prequalification" dan "bidding" diselesaikan iaitu dijangka pada akhir tahun ini.

Tindakan sedang diambil untuk menjemput cadangan-cadangan dari Jurutera Perunding untuk mengemukakan cadangan-cadangan bagi menjalankan kajian kemungkinan terhadap jalan-jalan lain. Aliran "preliminary" bagi kesemua jalan-jalan ini telah pun ditentukan oleh Kementerian saya tetapi Kementerian saya ingin melantik Jurutera-jurutera Perunding supaya kajian yang mendalam tentang aliran yang dipilih dapat dibuat. Ini oleh kerana butir-butir lanjut berkenaan dengan jumlah lalulintas, panjangnya jalan, harga pembinaan hendaklah ditentukan sebelum tawaran-tawaran dijemput daripada kontraktor-kontraktor. Kajian ini dijangka akan selesai dalam tahun 1978.

(b) Tidak.

(c) Belum ada.

**Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bahawa jalan dari Ipoh ke Bidor misalnya yang saya ketahui tentulah melintasi tanah yang mengandungi bijih timah. Bagaimanakah dasar sekiranya jalan-jalan ini melintasi di atas tanah yang mengandungi bijih. Adakah dibenarkan bijih ini diambil kemudian kelak ataupun dipendamkan begitu sahaja.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, fasal tanah biasanya diuruskan oleh Pejabat Tanah dan sebelum Kementerian ambil alih tanah itu, Kementerian perlu mendapat izin daripada Pejabat Tanah, selepas Pejabat Tanah puas hati bahawa bijih timah dan sebagainya telah habis digali.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bilakah pada keseluruhannya jalan raya ini akan siap. Tadi kalau tidak salah saya, beliau menyatakan kajian sedang dibuat dan akan dapat tahu pada tahun 1979. Saya suka bertanya, bilakah jalan itu dijangka akan siap dan dalam kajian sehingga tahun berapakah jalanraya yang akan dibina itu boleh me-

nampung lalulintas. Mungkin selama 15 tahun sahaja atau lebih. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan?

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu atas soalnya berkenaan dengan program melaksanakan projek-projek jalan.

Sebenarnya seperti saya sebutkan tadi, jalan ini akan dibuat secara "package deal". Ini bermakna Kerajaan akan memberi "franchise" kepada consortium atau consortia berkenaan. Oleh yang demikian, pada saat ini Kerajaan tidak ada satu rancangan tetap. Walau bagaimanapun, tujuan Kerajaan ialah membuat semua jalan secepat mungkin, dan jalanraya dari utara ke selatan ini akan dapat dibuat secara berperingkat-peringkat. Tetapi malangnya, saya tidak dapat memberi butir-butir yang lebih lanjut oleh kerana "bidding" daripada pihak-pihak yang berkenaan belum selesai.

#### PERSIDANGAN BANK PEMBANGUNAN ISLAM—KEJADIAN

**14. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar tentang satu kejadian di mana banyak daripada wakil-wakil dan Gabenor-gabenor Bank Islam yang menghadiri persidangan baru-baru ini telah mendapat sakit perut kerana memakan makanan yang disajikan oleh Hotel Hilton yang mengakibatkan banyak daripada wakil-wakil itu tidak dapat hadir di hari ketiga persidangan tersebut iaitu pada 17-3-1978 yang menjatuhkan imej Malaysia dan samada kejadian itu berpunca dari anasir-anasir Freemason, Zionist atau parti Kominis.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan adalah menyedari berkenaan dengan kejadian sakit perut yang menimpa wakil-wakil dan pembantu-pembantu di Persidangan Kedua Lembaga Gabenor-gabenor Bank Pembangunan Islam di Hotel Hilton Kuala Lumpur pada pertengahan bulan Mac 1978. Rawatan perubatan kepada pesakit-pesakit dengan serta-merta di Hotel Hilton telah segera menyembuhkan penyakit perut itu dan tidaklah menyebabkan terjejas kehadiran wakil-wakil di persidangan itu. Contoh makanan yang dihidangkan telah diperiksa di Pusat Penyelidikan Perubatan dan

di Jabatan Kimia. Daripada penyelidikan itu, maka adalah didapati kejadian sakit perut itu mungkin berpunca dari sejenis organism yang selalunya terjumpa di dalam makanan yang berasal dari laut.

### **PENJAJA KECIL DARI THAILAND**

**15. Tuan Ali bin Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ada banyak penjaja (peniaga kecil) dari Thailand telah masuk ke negeri-negeri di bahagian Utara Semenanjung seperti Perlis, Kedah dan Kelantan dan menjalankan perniagaan mereka di bandar-bandar negeri tersebut, tanpa surat kebenaran berniaga yang sah. Jika ya, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian ini bagi mencegah kemasukan peniaga-peniaga ini yang boleh menjejaskan peluang berniaga kepada rakyat negara ini.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, warganegara Thailand yang dikatakan penjaja-penjaja kecil itu masuk ke negeri ini di sebelah utara Semenanjung Malaysia seperti Perlis, Kedah dan Kelantan mempunyai border pass. Mereka ini dibenarkan masuk di atas Pas Lawatan Sosial. Pas Lawatan Sosial ini tidaklah membenarkan mereka menjalankan perniagaan. Sekiranya orang-orang ini mahu menjalankan perniagaan, mereka mestilah memohon Pas Lawatan Perniagaan dari Jabatan Imigresen. Mereka yang masuk ke negara Malaysia untuk tujuan berniaga tanpa kebenaran boleh didakwa.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana perkara ini berlaku dengan jelas dan terang di Negeri-negeri Kedah dan Perlis yang mana kebanyakannya mereka yang menggunakan border pass ini menjalankan perniagaan di musim-musim buah terutama sekali pada musim sekarang ini. Oleh kerana itu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang masuk dan menjalankan perniagaan di kedua-dua buah negara itu.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya maklumat yang lebih jelas disampaikan kepada Kementerian ini, Kerajaan tidak keberatan untuk membuat penyiasatan di atas perkara-perkara yang dilaporkan berlaku oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### **KERETAPI BERKHIDMAT DI PANTAI TIMUR**

**16. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah beliau sedar bahawa keretapi yang berkhidmat di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah terlalu tua, gerabak-gerabaknya berada dalam keadaan buruk dan landasannya sudah berumur 50 tahun dan merbahaya semasa musim hujan. Jika ya, nyatakan adakah Kementerian beliau akan memberi keutamaan kepada sistem keretapi di negeri-negeri Pantai Timur supaya sejajar dengan sistem di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, lebihkurang 40% daripada bilangan koc-koc yang sedang digunakan oleh Keretapi Tanah Melayu adalah daripada ko-koc lama. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 8 buah koc-koc baru telahpun dibina oleh pihak KTM dan 34 koc lagi iaitu 14 daripadanya berhawa dingin telahpun dibeli daripada luar negeri dan digunakan semenjak tahun 1976. 15 koc-koc lagi adalah sedang di dalam urusan tender. Selain daripada itu, 22 buah koc-koc akan dibina oleh pihak KTM di Bergkel Sentul dan dijangka siap dalam masa dua tahun lagi. Sebilangan daripada koc-koc baru ini telah juga digunakan bagi menggantikan koc-koc yang lama di Pantai Timur dan apabila kesemua koc-koc yang disebutkan di atas telah siap, semua koc-koc lama yang digunakan di Pantai Timur akan digantikan. Patut juga dinyatakan di sini, sungguhpun koc-koc yang digunakan di Pantai Timur itu adalah koc-koc lama, pihak KTM sentiasa menjaganya demi keselamatan penumpang-penumpang.

Kerja-kerja pembaharuan rel di cawangan Pantai Timur telah dijalankan semenjak tahun 1972 dan dijangka siap dalam beberapa tahun lagi.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri samada beliau sedar bahawa koc-koc yang berhawa dingin yang dikatakan tadi pernah digunakan di Pantai Barat yang mana koc-koc ini langsung tidak ada di Pantai Timur. Kalau beliau sedar, bilakah koc-koc yang berhawa dingin dapat dihantar untuk berkhidmat di Pantai Timur supaya rakyat di Pantai Timur dan penumpang-penumpang keretapi di Pantai Timur dapat menikmati sama.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di dalam pertimbangan kita, dan dengan seberapa yang boleh kita akan menjalankannya.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan bila dan tahun berapa?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak kata bila, sebab ini adalah dalam rancangan dan saya boleh katakan dengan seberapa segera yang boleh.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa Kementerian ini membezakan-bezakan koc di Pantai Timur dengan Pantai Barat. Di Pantai Timur sengaja diberi koc-koc yang lama, kenapa tidak di Pantai Barat?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada lagi.

#### ULAT SUTERA—PEMELIHARAAN

**17. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) apakah hasil kajian Kementerianya berkenaan projek pemeliharaan ulat sutera di negeri Trengganu sejak tahun 1973; dan
- (ii) adakah projek itu boleh menguntungkan petani-petani. Jika ya, adakah projek ini akan diluaskan ke lain-lain negeri dalam Malaysia supaya menjadi projek yang bertaraf nasional.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kajian-kajian untuk membiak ulat sutera telah dimulakan sejak tahun 1973.

Percubaan-percubaan yang dijalankan menunjukkan bahawa mutu benang yang dihasilkan adalah setanding dengan yang dihasilkan oleh negara-negara maju. Sehingga sekarang enam jenis baka ulat sutera telah diperolehi yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- (a) Hasil sarung kepompong adalah di antara 28-30 kilogram dari 20,000 ekor ulat;

(b) Peratus benang sutera di perolehi di antara 18-23%;

(c) Panjang benang diperolehi dari setiap kepompong adalah di antara 1,000-1,600 meter.

- (ii) Hasil dari kajian perintis ini didapati projek berkenaan boleh memberikan keuntungan. Petani-petani boleh memelihara ulat sutera 4-6 kali setahun dan sekali pemeliharaan sebanyak 20,000 ekar ulat boleh menghasilkan \$266 iaitu \$1,000 hingga \$1,600 setahun.

Sungguhpun projek ini ada potensinya, tetapi oleh kerana projek di Trengganu itu satu projek perintis, maka kajian yang mendalam mesti diteruskan dan teknologi baru yang sesuai perlu diperolehi sebelum perusahaan ini dapat diperluaskan ke lain-lain negeri.

#### PERUNTUKAN KEPADA PENGUASA TEMPATAN

**18. Tuan Ali bin Ahmad** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan mengapakah kebanyakan peruntukan-peruntukan pembangunan Kerajaan Tempatan ditumpukan kepada Wilayah Persekutuan sahaja. Bilakah Penguasa-penguasa Tempatan yang lain dapat menikmati peruntukan-peruntukan pembangunan sosio-ekonomi yang lebih besar lagi di masa akan datang.

**Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan S. Subramaniam):**

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat dan dari aspek pembangunan Kerajaan Pusat ada memberi peruntukan-peruntukan bagi projek-projek tertentu kepada Dewan Bandaraya samada dengan cara geran ataupun pinjaman. Ini adalah berasaskan kepada faktor bahawa Kerajaan Pusat adalah bertanggungjawab secara langsung terhadap pembangunan Wilayah Persekutuan, sebagaimana juga tiap-tiap Kerajaan Negeri bertanggungjawab kepada Penguasa-penguasa Tempatan di dalam Negeri masing-masing.

Walaupun demikian, Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan dengan memberi geran tahunan dan juga geran pelancaran kepada

Penguasa-penguasa Tempatan yang telah dan akan disusun semula di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 24 adalah diberi di bawah ini)*

### PERLINDUNGAN KESELAMATAN KEPADA PERDANA MENTERI

**19. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa orang pengawal yang menemani pemimpin-pemimpin kita apabila mereka membuat lawatan-lawatan rasmi atau menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa dan adakah segala langkah yang ada akan di ambil di masa hadapan untuk menjaga keselamatan Perdana Menteri kita apabila beliau berada di masa hadapan untuk menjaga keselamatan yang diambil oleh Amerika Syarikat dalam menyediakan perlindungan keselamatan yang ketat kepada Presiden dan Naib Presidennya semasa mereka melawat negara-negara asing.

**Tuan Rais Yatim:** Semasa Y.A.B. Perdana Menteri melawat luar negeri adalah menjadi tanggungjawab negara tuan rumah untuk menjaga keselamatan beliau sepanjang lawatan tersebut. Di samping itu sebelum lawatan dimulakan Kerajaan Malaysia akan menghantar pasukan pendahuluan (advance party) ke negara-negara yang berkenaan untuk menyelaras kerja-kerja perlindungan keselamatan. Anggota pasukan pendahuluan ini akan bekerjasama dengan pihak keselamatan negara berkenaan yang bertanggungjawab terhadap keselamatan YAB Perdana Menteri. Perlu juga ditegaskan bahawa YAB Perdana Menteri adalah sentiasa diiringi oleh pegawai ADC beliau didalam semua pergerakan. Mengenai bilangan anggota pasukan pendahuluan, ini bergantung kepada penilaian keselamatan yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri dan Kementerian ini ke atas negara-negara yang akan dilawati.

### PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELDA

**20. Tuan Michael Wong Kuan Lee** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bahawa memandangkan

bahawa sangat kekurangan penyertaan oleh bukan-Melayu, terutama orang-orang China, dalam sekim-sekim tanah Kerajaan seperti FELDA, apa tindakan-tindakan telah atau akan di ambil oleh Kementeriannya supaya menambah bilangan penghuni-penghuni bukan-Melayu agar sasaran-sasaran yang ditujukan untuk mereka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru, boleh dan akan di capai.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Perkara kekurangan penyertaan bukan Bumiputra di dalam sekim-sekim tanah Kerajaan ini telah beberapa kali di bangkitkan oleh Ahli-ahli Y.B. samada di Dewan Rakyat maupun di Dewan Negara. Sebab-sebab terjadinya kekurangan tersebut telah juga di jelaskan oleh bekas Y.B. Menteri dan juga oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada masa yang lalu.

Sebagaimanana yang di tegaskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 29hb Mac tahun lalu, bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan hendak meluaskan peluang rakyat dari keturunan China dan India dalam bidang pertanian selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat.

Kementerian saya sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan FELDA pada keseluruhannya, khususnya mengenai pemilihan peserta-peserta rancangan. Peserta-peserta adalah dipilih dengan menggunakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Mereka diberi "points" tanpa mengira kaum. Mereka dipilih daripada kawasan-kawasan miskin. Kawasan-kawasan itu ditetapkan oleh pakar-pakar Bank Dunia dalam hal kemiskinan. Keputusan muktamad bagi menempatkan calon-calon peserta rancangan tanah yang terpilih adalah terletak kepada kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya yakin bahawa dengan bertambahnya projek-projek pembangunan tanah dan apabila permohonan untuk menyertai rancangan tanah dibuka semula pada masa-masa hadapan, penyertaan kaum Bukan Bumiputra akan bertambah.

### DISIPLIN DI INSTITIUT PERTANIAN

**21. Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan samada

disiplin ala tentera akan dijalankan di-institusi-institusi pertanian dan jenis disiplin yang dijalankan yang telah menyebabkan kemunduran kemajuan.

**Tuan Edmund Langgu Anak Saga:** Ya disiplin ala tentera sedang di pertimbangkan untuk dijalankan di Institiut-institiut Pertanian di samping peraturan-peraturan yang ada.

Disiplin yang berjalan sekarang adalah selaras dengan peraturan-peraturan Institiut yang bertujuan mendorong penuntut-penuntut supaya bertanggungjawab dan tekun dalam serba serbi rancangan pendidikan dan latihan yang di tetapkan. Adalah tidak benar disiplin yang dijalankan sekarang menyebabkan kemunduran kemajuan.

### KELAHIRAN ANAK-ANAK CACAT ANGGOTA

**22. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau menyedari bahawa di antara punca kelahiran anak-anak cacat anggota atau ibu-ibu hamil anaknya gugur sebelum sampai tempohnya disebabkan memakan buah epal dan limau Jepun dan apakah penyiasatan yang dibuat ke atas buah-buahan ini supaya diharamkan diimpot ke Malaysia.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Saya mengetahui tentang adanya laporan dalam akhbar yang mengatakan bahawa memakan buah epal atau limau Jepun boleh menyebabkan kelahiran anak-anak cacat anggota atau ibu-ibu yang hamil akan keguguran. Kementerian Kesihatan sedang menyiasat tentang perkara ini dan telah berhubung dengan pihak yang berkenaan di sebuah negara asing yang membuat laporan ini, untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih lanjut.

### JURUTERA/JURUKUR BAHAN/ AKITEK

**23. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan dari jumlah 800 orang professyenal seperti jurutera, akitek, jurukur dan lain-lain yang dilantik untuk menjalankan projek pembangunan, berapa daripadanya terdiri daripada rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia, dan berapa daripada rakyat Malaysia itu terdiri daripada Bumiputra, rakyat keturunan China dan India dan lain-lain mengikut profesyen mereka masing-masing.

Maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

Jawatan	Pegawai Tetap				Pegawai Kontrek			Jumlah
	M	C	I	L	Warga Negara		Bukan Warga Negara	
					C	I		
1. Jurutera Awam .. .. .	116	311	31	9	26	5	25	523
2. Jurutera Jentera .. .. .	42	44	8	2	—	—	—	96
3. Jurutera Letrik .. .. .	23	29	3	4	—	—	—	59
4. Juru Ukur Bahan .. .. .	36	18	3	—	—	—	—	57
5. Akitek .. .. .	29	40	1	—	1	—	1	72
<b>JUMLAH .. .. .</b>	<b>246</b>	<b>442</b>	<b>46</b>	<b>15</b>	<b>27</b>	<b>5</b>	<b>26</b>	<b>807</b>

M Melayu  
C China  
I India  
L Lain-lain

## PENYUSUNAN PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN

**24. Tuan Ismail bin Hashim** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar bahawa salah satu daripada matlamat-matlamat penyusunan semula Kerajaan Tempatan ialah untuk menambah kecekapan pentadbiran, jika ya, mengapakah kelulusan bagi mengujudkan jawatan-jawatan baharu dalam Penguasa-penguasa Tempatan yang telah disusun semula mengambil masa yang begitu lama oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Tuan S. Subramaniam:** Saya sedar bahawa satu daripada matlamat-matlamat penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan ialah untuk menambah kecekapan pentadbiran dan penyusunan semula ini akan melibatkan pertambahan bilangan pegawai-pegawai dan anggota-anggota Penguasa Tempatan sejajar dengan pertambahan bilangan penduduk dan juga luas kawasannya. Tetapi saya tidak sedar tentang adanya kelewatan dari pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk meluluskan pengujudkan jawatan-jawatan baru di Penguasa-penguasa Tempatan, oleh kerana setahu saya, jawatan-jawatan baru dalam Penguasa-penguasa Tempatan boleh diujudkan dengan kelulusan Pihakberkuasa Negeri berkenaan. Rujukan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam hanya dari segi penentuan samada tanggagaji dan sekim perkhidmatan satu-satu jawatan itu adalah selaras dengan apa yang ditentukan oleh Kerajaan dari masa ke semasa.

## PENERANGAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM

3.36 ptg.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberi sedikit penerangan di bawah Peraturan Mesyuarat 13 (1) (i) yang saya akan nyatakan kemudian daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini menyampaikan sepenuh-penuh sokongan saya kepada Ucapan Titah yang telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi kedua-dua Dewan, Dewan Negara dan Dewan Rakyat baru-baru ini. Isi Titah Ucapan itu sesungguhnya menjadi panduan kepada Dewan ini khususnya kepada diri saya

sendiri di ketika dan di dalam masa menjalankan tugas-tugas kita masing-masing baik selaku Wakil-wakil Rakyat ataupun Negara yang bertanggungjawab tidak hanya kepada rakyat dan Yang di-Pertuan Agong, juga kepada Tuhan pencipta alam ini. Dengan sikap dan tanggungjawab inilah keikhlasan dan sokongan kita kepada Ucapan di-Raja itu membawa erti yang sebenar-benarnya, inilah merupakan faktor-faktor dalam pembangunan ummah (factor of nation building).

Tuan Yang di-Pertua, saya mengangkat sembah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri Malaysia yang telah memberi kepercayaan dan harapan kepada saya dengan melantik saya menjadi seorang Menteri Kabinet sekarang ini. Dengan hidayah Allah subhanahu wa taala berserta daulat restu Tuanku bersama tunjuk nasihat dan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, insya Allah, saya akan memikul tanggungjawab yang berat ini sekadar kemampuan dan kekuatan yang diberikan oleh Tuhan. Kepada rakan-rakan saya di dalam Kabinet sukacita saya menerima segala pandangan dan pengalaman mereka yang luas pada bila-bila masa sahaja demi kebaikan dan tanggungjawab kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya projek pembangunan negara dengan berpandu kepada Dasar Ekonomi Baru akan dapat segera dilaksanakan sepenuhnya jika keselamatan negara dan perpaduan rakyat berkekalan di dalam keadaan baik seperti yang wujud sekarang ini. Saya bersedia bekerjasama sepenuhnya dengan saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan juga kepada mana-mana orang perseorangan yang boleh memberi pandangan dan constructive idea demi melaksanakan projek pembangunan rakyat seperti yang diamanatkan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan kepentingan pembangunan adalah sejalan dan seiring dan sama mustahaknya, mungkir salah satu diantaranya, pada hemat saya cita-cita dan hasrat ini akan menemui kegagalan. Oleh itu, saya tertarik dengan ucapan rakan-rakan saya di dalam Dewan ini seperti Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin yang begitu menarik sekali mengenai bidang-bidang pembangunan ekonomi dan sebagainya.

Untuk menguatkan hujjah ini sukalah saya menyatakan kepada Majlis ini bahawa Tuhan telah melahirkan undang-undang ekonominya untuk manusia di mana Tuhan berfirman:

Likailayakuna daulatan baina aghnia minkum—supaya tidak berlaku perpusingan kekayaan itu di golongan orang kaya-kaya sahaja—there should be no circulation of wealth among the rich. Ini merupakan satu undang-undang ekonomi yang disampaikan oleh Tuhan sendiri sesuai dengan apa yang dirancang oleh negara kita hari ini, begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menyampaikan ucapan dalam Dewan ini, begitu juga kepada rakan karib saya Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin ketika menyampaikan usul terima kasih kepada Ucapan Titah Baginda Timbalan Yang di-Pertuan Agong kelmarin yang memandang berat kepada keselamatan dan ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan perajurit-perajurit, pegawai-pegawai keamanan itu sendiri yang mana mereka telah banyak memberi sumbangan dan jasa, bagi menjaga keselamatan negara dan kita semua di sini. Bagi mengenangkan jasa-jasa ini, saya selaku Yang di-Pertua Bekas Perajurit Cawangan Negeri Kelantan dan juga Kerajaan Negeri, telah menyediakan sebidang tanah untuk bangunan Ibu Pejabat dan satu kawasan hutan seluas 2,000 ekar telah diberikan kepada persatuan ini di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam adalah sebuah Kementerian baru dan ditubuhkan dalam sekitar tahun 1974. Walau bagaimanapun, pentadbiran sekarang ini menaruh perhatian sungguhsungguh untuk mengawasi dan menjamin setiap sektor pembangunan bagi setiap negeri di Malaysia di bawah Kementerian ini dapat berjalan seiring dan sehaluan supaya ianya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru sebagaimana yang dirancang itu. Dari itu, angka sejumlah \$1,285,051 telah diperuntukkan bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Negeri Kelantan termasuk di antara yang terbanyak iaitu \$142,923. Ini bermakna Kerajaan kita memberi perhatian sepenuhnya kepada pembangunan negeri yang ketinggalan di bawah pimpinan yang lama. Namun demikian, negeri-negeri lain akan diberi perhatian penuh dan tidak kurang tanggungjawab kita mana-mana negeri pun di dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaku seorang ahli Dewan sudah barang tentu tidak menasabah jika peristiwa di Kelantan baru-baru ini tidak saya menjelaskan di sini sedikit, walaupun tidak perlu dipanjang-panjangkan lagi. Kejadian-kejadian di Kelantan itu tidak perlu diungkit-ungkitkan lagi, kerana ianya adalah sudah ditakdirkan oleh Allah (s.w.t.) luar daripada kekuasaan kita. Kesilapan pemimpin-pemimpin Kerajaan yang lalu itu sendirilah yang menyebabkan timbulnya segala akibat-akibat itu. Undi tidak percaya kepada Kerajaan Barisan Nasional Kelantan tempoh hari berekor dengan kekacauan dan wujudnya Kerajaan ala Mageran adalah implikasi dari perbuatan-perbuatan yang kurang teliti dari pemimpin-pemimpin parti yang memerintah negeri itu yang lalu. Perisytiharaan Kerajaan ala Mageran di Kelantan adalah satu pilihan yang paling bijak seperti yang telah dijelaskan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kerana tujuan semata-mata untuk menyekat daripada banyak jiwa dan harta dihancurkan tanpa berfaedah. Gagal berbuat demikian bagi mencegahnya bererti kita gagal menunaikan tanggungjawab kita terhadap amanat manusia dan Tuhan, itulah yang dinanti-nantikan oleh musuh negara.

Sebenarnya, saya di sini suka menjelaskan supaya tidak ragu-ragu lagi setengah golongan mengenai kejadian di Kelantan itu secara hakikat, iaitu bahawa kejadian itu merupakan suatu law of cause and effect. Kalau tidak ada cause tentulah tidak ada effect, oleh yang demikian cause yang telah menimbulkan kekacauan negeri Kelantan itu adalah sebagaimana yang saya telah terangkan tadi.

Saya hendak jelaskan perkara ini supaya tidaklah ragu-ragu fikiran setengah orang-orang dalam negara kita Malaysia ini tentang kejadian yang paling penting itu dan Tuhan sendiri mengatakan dalam sunnah kejadiannya:

Latabdila lihalqulillah—there is no creation or no alteration in the creation of God. Oleh sebab itu bila siapa-siapa sahaja melakukan perbuatan yang boleh merugikan dirinya sendiri, masyarakat dan negara maka merekalah yang menerima akibatnya. Dan ini jelas daripada kenyataan Tuhan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang tuduhan seorang Ahli Dewan ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional menjalankan dasar

divide and rule, pada hemat saya tidak tepat menggunakan istilah itu sebab jika dilihat dari segi konteks Kerajaan pilihan rakyat dan konsep Barisan Nasional itu sendiri menunjukkan bahawa pemakaian istilah itu amat contrary sekali. Kita harap Ahli-ahli Dewan yang berkenaan itu tidak lagi salah teknik.

Satu perkara yang saya suka menyebut dan menjelaskan dalam Majlis ini bahawa apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu dalam masa pilihanraya tidak ada keadilan dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana pihak parti bukan Kerajaan tidak dibenarkan rapat umum. Sebenarnya, saya sendiri terlibat dalam kempen pilihanraya. Tidak ada satu parti dibenarkan rapat umum tetapi hanyalah ceramah-ceramah di rumah-rumah di dalam lingkungan yang tertentu.

Itulah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua (*Tepuk*).

## USUL-USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam ini.

**Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11 (1) Mesyuarat ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam ini.

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Ke bawah

Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keempat”. (21hb April, 1978).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya meminta Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein menyambung ucapannya, saya ingin membawa kepada perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu hari ini ialah hari yang penghabisan yang diuntukkan bagi membahaskan Titah Ucapan Di Raja dan mulai hari esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab. Kita ada hanya 230 minit lagi dan seramai 15 orang Ahli-ahli yang ingin berucap. Oleh kerana itu, saya minta dan merayu supaya Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan ucapan seberapa pendek yang boleh dan saya akan menghadkan ucapan selama 15 minit tiap-tiap seorang supaya semua Ahli akan berpeluang berucap. Sekian, dan diharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan bekerjasama.

Saya jemput Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah menyambung ucapan.

3.52 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, oleh kerana pada hari Jumaat, 21hb April, 1978 saya belum sempat menghabiskan ucapan saya, maka di hari ini saya sambung sedikit sahaja lagi ucapan saya itu. Saya cuba dengan seberapa ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini telah banyak diadakan kedutaan-kedutaan asing, telah banyak kilang-kilang pelaburan asing di seluruh negara ini, telah banyak juga syarikat-syarikat perusahaan dan perniagaan asing. Dengan adanya perusahaan-perusahaan swasta bertapak di dalam negara kita ini maka dengan keadaan kita telah memberi serba kemudahan bagi menarik negara-negara asing untuk melaburkan di dalam negara kita ini, di samping memajukan negara kita ini di

segenap segi dan di segenap bidang, juga menambah pendapatan dan kekayaan serta pengalaman-pengalaman anak tempatan di dalam negara kita ini, telah kita alu-alukan, telah kita bangga-banggakan dan telah kita agung-agungkan keseluruhan perkara ini di mana dalam masalah yang datang dari luar negeri dan di dalam negeri demi menarik minat negara-negara besar dan kaya, pandai, cergas, turut sama memajukan Malaysia dan turut sama membantu Malaysia dalam berbagai-bagai segi kemajuan dan kemudahan dari segi perhubungan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memberi khidmat baik, dalam kita memberi kemudahan, dalam kita memberi kesempatan, dalam kita membantu memajukan segala-galanya itu masih juga terdapat perasaan curiga dan perasaan perbuatan menyinggung perasaan dan kurang penghormatan dan pengorbanan diberi kepada rakyat di negara ini terutama dari golongan Bumiputra. Bumiputra amat kurang dan sedikit sangat peratus diambil bekerja dan bertugas di segenap lapangan ini lebih-lebih lagi di dalam kedutaan-kedutaan yang ada di dalam negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan langsung tidak ada Bumiputra diambil bertugas di tempat-tempat yang saya sarankan di atas tadi. Tetapi apa yang saya maksudkan perbuatan ini peratusnya itu amat kecil sekali dan di dalam masalah ini kalau dibandingkan dengan kerjasama dan pengorbanan yang telah diberikan oleh rakyat ini bagi kestabilan dan kelancaran usaha-usaha mereka itu yang ada dan Bumiputra itu pun diterima bekerja adalah seolah-olah melindungi syarat-syarat kelulusan sahaja tetapi kepada tempat-tempat atau bahagian-bahagian yang penting tidak diambil sebagai semestinya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya amat berharap perkara ini dapatlah hendaknya diambil perhatian yang berat oleh pihak Kerajaan. Saya bercakap perkara ini tidak berdasar tamak dan cemburu, tetapi rakyat telah memberi pengorbanan bagi melancarkan kestabilan ini untuk perjalanan setiap badan-badan yang ada di dalam negara kita ini dengan tidak ada memberi sungutan atau rungutan sesuatu apa pun demi memberi kemudahan pula dan kemajuan-kemajuan mereka yang diidam-idamkan kita. Tetapi apa yang kita dapat menerima pengorbanan

Bumiputra itu tidak setimpal dengan apa yang didapatinya. Maka inilah sekali lagi, saya berharap agar pihak Kerajaan menjalankan daya utamanya bagi menyesuaikan dan menyeimbangkan kedudukan-kedudukan untuk mendapat kemajuan bagi rakyat Bumiputra ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi perkara yang patut difikirkan walaupun perkara ini telah diperkatakan semalam oleh sahabat saya Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin di dalam bahagian kedaulatan undang-undang, maka saya suka sedikit untuk menambahnya. Satu perkara yang patut difikirkan ialah rakyat negara ini telah mendapat kerugian berjuta-juta ringgit akibat pelaksanaan hukum cermin gelap pada kenderaan. Kalau kita hitung paling rendah sebuah kenderaan memasang lapek cermin gelap itu tidak kurang daripada \$100 sebuah maka kita hitunglah sendiri banyaknya jumlah. Oleh kerana itu, rakyat negara ini memang rakyat yang boleh dipuji, boleh diagung-agungkan kerana semangat mematuhi arahan dan undang-undang, tetapi perkara yang patut difikirkan oleh pihak yang berkenaan ialah keuntungan yang besar oleh pengimpot-pengimpot dan kerugian yang besar pula oleh rakyat. Inilah yang patut kita memberi perhatian dan patut mengambil perkara yang penting yang patut sama-sama difikirkan di masa-masa akan datang.

Saya suka memberi usul di dalam Dewan ini patut pada hari ini haramkan terus pelindung-pelindung cahaya cermin gelap untuk kenderaan dengan tidak mengira siapa sahaja kerana jangan kerugian akan terus berlaku dan tidak berulang lagi. Kalau Kerajaan betul-betul tegas dalam perkara yang satu ini insya Allah, rakyat negara ini terpelihara daripada kerugian berjuta-juta ringgit di dalam hanya sekelip mata sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka mengingatkan Kerajaan di dalam memberi bantuan kerugian akibat kemarau di utara Malaysia ini. Saya amat mengharapkan bantuan itu tidaklah hanya sekadar gambar-gembur, tidaklah sekadar hanya melepas kesempatan sedikit masa sahaja, tidaklah sekadar hanya melaung-laungkan ke pelusuk negara bahawa Kerajaan telah mengambil berat dan memberi bantuan akibat kemarau itu. Tetapi yang penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah usaha ke arah mengelakkan lagi atau mengurangkan lagi bencana kemarau

itu dan cara-caranya untuk mengatasi hendaklah dicari jalan dan diusahakan dengan tidak berhenti-henti, kalau hujan tiba biarlah hujan datang mencurah-curah dan melimpah-limpah tetapi usaha-usaha akan datang dapat sekurang-kurangnya mengelakkan berlakunya kerugian akibat kemarau dan kemerosotan yang mana akibatnya Kerajaan sama teruk bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting patut difikirkan di mana saya telah pernah menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali pada masa yang sudah-sudah iaitu hasil usaha kontan rakyat yang ditimpa akibat ini hendaklah dicari jalan segala pemasaran hasil itu supaya tidak mereka hanya tertumpu kepada daerah mereka saja tetapi hendaklah pasaran yang lebih luas lagi, lebih jauh lagi dan lebih maju lagi, mestilah juga sama difikirkan dan sama juga keseimbangan untuk mengelakkan pengangguran. Bagi pengeluaran dan pendapatan juga biarlah bersesuaian dan berpadanan dengan apa yang berlaku, cita-cita yang diidamkan itu tidak berlaku pincang seperti kata pepatah: Kain sejengkal tarik ke atas kaki terdedah, tarik ke bawah kepala terjulur.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai tragedi yang banyak kita sama-sama tahu berlaku di dalam negara kita hari ini patutlah sama-sama kita fikir dan pandang berat. Walaupun masalah ini tidak seberat bahu yang memikul tetapi akibatnya nanti berturut-turut datangnya terpaksa kepala atas menjunjung dan bahu tetap memikul iaitu masalah penyakit taun yang telah mengorbankan beberapa nyawa rakyat. Walaupun kita kata perkara ini kecil tetapi ini adalah satu masalah yang berat, tetapi dalam masalah ini, saya tidak akan memperkatakan dengan panjang lebar kerana masalah ini telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Untuk mengakhirinya saya suka memberi ingatan kepada pihak yang berkenaan janganlah melupakan bahawa Tuhan tetap berkuasa dan akan berkuasa dengan tidak bersusah payah kerana kesedaran kita, kejujuran kita, ketaatan kita, keadilan kita dan kepadaNya kita memberi harapan walaupun bagaimana kebijaksanaan kita, insya Allah dengan rahmat, nikmat, hidayah dan taufiq dari Allah kita akan dapat kejayaan, itu pasti diterima dengan semangat taqwa, taat dan patuh denganNya.

Setakat itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan tambahan saya yang saya perkatikan pada 21hb April, 1978 tempoh hari, maka dengan itu saya menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dengan menyokong di atas Titah D.Y.M.M. Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

4.04 ptg.

**Tuan Chua Ching Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi Titah Ucapannya kepada upacara pembukaan bersama mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Mac 20, 1978.

Bila membuat begitu, saya ingin menyentuh beberapa perkara-perkara yang berhubung dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan supaya memperbaiki jentera pentadbirannya dan juga kehendak-kehendak tenaga rakyat. Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong telah menegaskan dengan tepat dan betulnya bahawa "Tenaga negara kita pada keseluruhannya bergantung atas kecukup tenaga rakyat yang berpelajaran, urusan yang baik dan jujur serta warganegara-warganegara yang dilengkapi dengan kemahiran saintifik dan juga teknikal pada semua peringkat dalam sektor-sektor awam dan juga swasta"

Tidaklah dinafikan, kami sedar Kerajaan ingin memperbaiki dan memodenkan jentera pentadbirannya dan membawanya keluar dari abad ke-19. Keazaman ini juga dibuktikan daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pada April 10 bahawa Kerajaan bertujuan meninggalkan mutu perkhidmatan sivil, iaitu menjadikannya lebih berkesan dan lebih berhasi, oleh kerana dalam masa baru-baru ini, ianya selalu dijadikan sasaran sungutan-sungutan dan omelan-omelan daripada orang-orang politik dan juga orang ramai. Sebenarnya, adalah diketahui bahawa satu pasukan daripada Unit Modenisasi Pentadbiran dan Rancangan Tenaga Rakyat telah memulai satu kajian seluruh negara bawah projek itu dan akan melapurkan hasil-hasilnya dan juga membuat cadangan-cadangannya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Walau bagaimanapun, dengan kagumnya kami mengetahui bahawa adalah sebanyak 80,000 jawatan-jawatan Persekutuan masih

kosong dan angka-angka kekurangan tenaga rakyat di Pejabat-pejabat Negeri tidaklah diketahui kecuali hingga Kerajaan-kerajaan Negeri mengemukakan laporan-laporan mereka. Ini adalah satu keadaan yang sangat membimbangkan oleh kerana jawatan-jawatan Persekutuan itu terdiri dari lebih 10 peratus dari sasaran Rancangan Malaysia Ketiga yang bertujuan akan mewujudkan sebanyak 750,000 kerja-kerja baru. Kami sedar bahawa untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan nasional kita, dan selanjutnya mewujudkan lebih banyak pekerjaan-pekerjaan, kita memerlukan tenaga rakyat secukup-cukupnya dan juga satu jentera pentadbiran yang benar-benar, berkesan oleh sebab ini, kami tidak faham mengapa Kerajaan membiarkan jawatan-jawatan itu bertambah hingga begitu banyaknya. Rancangan Malaysia Ketiga telah dilaksanakan separuh jalan sekarang, dan baru-baru ini, kami mengetahui adalah projek-projek dalam bidang-bidang yang penting masih belum dijalankan. Ini adalah satu perkara yang serius.

Oleh sebab yang demikian, Kerajaan patut mengambil langkah cermat supaya menjamin bahawa rancangan-rancangan pembangunan nasional kita dilaksanakan dengan sepenuh-penuhnya tanpa kelambatan, kerana masa depan warganegara-warganegara kita bergantung atas kejayaan-kejayaan rancangan-rancangan itu. Sementara itu, Kerajaan kita patut juga mengambil tindakan sertamerta supaya menjamin jentera pentadbirannya digerakkan dengan tenaga rakyat yang mencukupi agar rancangan-rancangan pembangunan nasional kita dapat dicapai dalam tempoh yang dijadualkan demi kepentingan-kepentingan rakyat jelata kita. Kita tidak mampu membuang masa, dan semasa menunggu persiapan kajian tersebut, adalah lebih baik bagi Kerajaan memulai mengambil tenaga rakyat supaya memenuhi jawatan-jawatan kosong yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman-pengalaman telah mengajar kami bahawa satu kajian seperti itu memanglah memakan masa yang panjang. Bila kajian itu telah siap dibuat kelak, selalunya laporan-laporan kajian itu dikaji semula lagi oleh Kerajaan atau jawatankuasa-jawatankuasa sebelum cadangan-cadangannya diluluskan dan dilaksanakan. Oleh kerana itu, lebih baik bagi Penyuruhannya Perkhidmatan Awam mengeluarkan iklan-iklan bagi permohonan-permohonan jawatan-jawatan kosong yang sedia

ada. Memandangkan jawatan-jawatan kosong itu banyak, adalah dijangkakan bahawa mungkin tidak boleh mendapat calon-calon yang berkelayakan memenuhi jawatan-jawatan itu. Dalam hubungan ini, saya ingin bercadang bahawa Kerajaan patut mengambil satu pandangan pragmatik dalam pemilihan calon-calon bagi memenuhi jawatan-jawatan kosong itu. Walau bagaimanapun, saya tidak bermakna ingin menjejaskan mutu-mutu tenaga rakyat yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita telah mengambil cara yang lebih pragmatik untuk mencuba mengatasi kekurangan doktor-doktor dengan membenarkan graduan-graduan perubatan dari universiti-universiti yang tidak diperakui mengambil peperiksaan kelayakan (qualifying examination) dan melalui probasi yang lebih panjang. Sungguhpun seramai 34 graduan-graduan itu berjaya daripada banyak yang mengambil peperiksaan itu, dan ini telah menunjukkan bahawa taraf tinggi telah dikawal, negara kita telah berfaedah daripada perkhidmatan-perkhidmatan 34 doktor-doktor itu, jika bukan, latihan dan pengetahuan mereka akan bersia-sia kerana pengangguran. Saya juga ingin bercadang bahawa Kerajaan kita mengambil cara-cara sama untuk mengatasi kekurangan tenaga rakyat, dan mengadakan peperiksaan-peperiksaan kelayakan bagi graduan-graduan Malaysia dari universiti-universiti asing, supaya mereka diperiksai dan diberi peluang-peluang memberi perkhidmatan mereka kepada Kerajaan dan negara kita. Biarlah kami berharap bahawa Kerajaan akan berpragmatik dan berjaya baik dalam perkara ini dan memberi graduan-graduan itu satu peluang supaya mereka dapat membuktikan kenilaian mereka kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, semua graduan-graduan ini, terutama orang-orang itu yang berkelayakan dalam bidang-bidang teknikal dan profesyenal, telah melanjutkan pengajian akademik mereka di negara-negara asing, sungguhpun mereka mungkin tidak fasih dalam menguasai Bahasa Malaysia, seperti kami sedar, bahasa itu adalah satu kelayakan perlu bagi kemasukan dalam pekhidmatan awam. Sebagaimana yang saya mengetahui, kemahiran dan latihan graduan-graduan itu sangatlah diperlukan oleh negara pada ketika ini. Untuk membolehkan Kerajaan menggunakan kemahiran dan latihan mereka dengan sepenuhnya, saya bercadang Kerajaan boleh memberi pekerjaan-pekerjaan

kepada mereka dengan syarat bahawa mereka mesti mengambil kursus-kursus Bahasa Malaysia semasa memberi perkhidmatan mereka. Ini adalah salah satu cara baik supaya memasihkan Bahasa Malaysia mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Australia dan negara-negara yang lain seperti United Kingdom, Kanada dan New Zealand memberi peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar kita semasa pelajar-pelajar kita menghadapi kesusahan-kesusahan memasuki universiti-universiti tempatan. Kami mesti memahami dan mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas perkara ini. Selain daripada itu, kami juga patut sedar bahawa pelajar-pelajar yang pergi ke seberang laut kerana setengah-setengah kursus-kursus yang mereka ingin mengambil tidak bersedia ada di sini. Setengah-setengah pelajar-pelajar diberi biasiswa-biasiswa dan kebanyakan dibiayai oleh ibubapa-ibubapa mereka. Selepas mendapat kemahiran dan latihan yang perlu, mereka gemar hendak membayar-balikkan keutangan itu kepada masyarakat dan sementara itu menolong-bebanan kehidupan ibubapa-ibubapa mereka. Selamanya kami tidak mampu membekalkan tempat kemasukan universiti-universiti tempatan kepada semua pelajar-pelajar kita yang berkelayakan dan selama kemahiran dan teknologi Barat masih diperlukan untuk kemajuan negara. Kami tidak patut menutup pintu peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi ini kepada rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju penuh dengan tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan, sebagaimana yang disifatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, memberitahu dengan betulnya kepada pelajar-pelajar kita di seberang laut atas perkembangan negara kita supaya mereka akan digalakkan balik selepas tamat pelajaran mereka. Kami patut memberitahu mereka bahawa di sini adalah banyak peluang-peluang bagi mereka membuat sumbangan-sumbangan kepada kemajuan negara kita. Kerajaan juga patut menjamin bahawa di sini semua kesempatan-kesempatan bagi mencapai kehidupan sedia ada dan akan dinikmati dengan adilnya oleh semua yang berkelayakan mendapatnya tanpa mengira kaum atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini muncul kebimbangan dikalangan rakyat bukan Melayu mengenai peluang-peluang

pekerjaan dan naik pangkat kepada mereka, terutama dalam sektor awam, seolah-olah dikurangkan hari demi hari. Sementara itu, satu impressi dimunculkan, itu jika tidak ada calon-calon yang sesuai untuk sesuatu jawatan kosong maka jawatan-jawatan itu dibekukan hingga calon-calon yang betul didapati, ada banyak misal-misal membuktikan kebenaran hal itu, seperti ada banyak jawatan-jawatan kosong yang dibiarkan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam seolah-olah gagal memiliki satu polisi memenuhi sertamerta dan keadaan ini telah memperkuatkan impressi tersebut. Keadaan ini patut diperbetulkan, dan Kerajaan mesti menjamin rakyat, melalui tindakan-tindakannya, bahawa bila kita berusaha menyusun semula masyarakat kita supaya memendekkan jurang antara rakyat berada dan rakyat tidak berada, semua peluang-peluang akan terus bersedia kepada rakyat jelata yang berkelayakan dan patut bernikmati, berselarasan dengan usah-usaha kita mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan maju.

4.15 ptg.

**Puan Dasimah Dasir:** Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang mana telah memberi peluang kepada saya berucap. Saya juga turut menyokong usul Titah Ucapan Diraja yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid Bidin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak hendak mengambil masa yang panjang dalam perbahasan ini, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Majlis ini merasa dukacita kerana pada hari yang kedua perbahasan atas usul ini, Tuan Yang di-Pertua telah membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap sehingga dua jam seorang dan bila masa sudah larut, Tuan Yang di-Pertua menghadkan masanya. Saya lihat seorang Ahli Yang Berhormat telah menulis ucapannya terlalu panjang, begitu juga seorang Ahli Yang Berhormat yang baharu bercakap sebentar tadi barangkali Tuan Yang di-Pertua sendiri pun tidak mengerti kerana dia membaca ucapannya itu macam mail train. Saya harap pada masa hadapan, Tuan Yang di-Pertua hendaklah membuat dengan seadil-adilnya supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Pengerusi di sini adalah sentiasa memberi keadilan.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian menyentuh berkenaan dengan pelajaran.

Pertamanya, baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi peluang kepada murid-murid yang lulus Gred III diberi tempat masuk ke sekolah-sekolah. Tetapi, nampaknya aliran Melayu tidak dapat mempunyai tempat sama sekali. Saya tahu, di Pulau Pinang adalah sangat susah bagi murid-murid dalam aliran Melayu hendak masuk kembali di dalam mana-mana sekolah pun.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap berkenaan dengan perniagaan Ali-Baba. Banyak Ali-Baba yang ada ini boleh dikatakan 37% semuanya. Apakah salah kalau mereka berniaga berganding bahu belajar dengan bangsa-bangsa lain untuk mengambil bahagian bagaimana peniaga-peniaga Bumiputra dapat menjalankannya. Yang Berhormat Menteri boleh menjawab apa sahaja atas teguran kami, tetapi saya rasa belum sampai masanya penyertaan 30%. Pada hari ini boleh dikatakan Bumiputra dan juga bangsa lain semuanya merungut kerana peluang perniagaan telah ditahan iaitu hendak diproses dahulu; bila masa hendak diproses untuk diberikan kepada peniaga-peniaga kecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak bin Husain yang mana telah menyeru wanita-wanita supaya masuk menjadi tentera. Ini satu peluang yang baik. Bagi pihak wanita, saya adalah menyambut seruan itu, kalau Kerajaan memberi peluang kepada wanita bukan setakat itu sahaja, tetapi juga di bidang-bidang lain yang tinggi seperti dalam swasta, janganlah hanya diambil orang lelaki sahaja tetapi patutlah juga diberi peluang kepada wanita, kerana wanita juga sama taraf dengan kaum lelaki. Nampaknya peluang yang ada pada hari ini tersangatlah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah heboh berkenaan dengan Perdana Menteri kita dan patutlah perkara ini Kerajaan mengikuti dan mengambil tahu berkenaan keadaan negara kita; janganlah kita cuaikan, janganlah kita ingat tiada apa-apa tetapi boleh jadi Kerajaan ini akan dijadikan satu Kerajaan yang lain, jika kita tidak berhati-hati.

Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah bahawa semua orang ada Tuhan, ingat kepada Tuhan, Kerajaan juga adalah dipimpin oleh orang Melayu, dan berjalan dengan keadaan yang sesuai. Siapakah yang menjadi panglima agong, itulah orang yang akan menerima akibatnya tetapi di dalam Kerajaan kita ini tidak akan menjadi panglima agong, hanya meminta supaya Kerajaan ini menjadi satu Kerajaan yang aman dan damai dan kita tidak hendak lihat Kerajaan kita ini menjadi porak-peranda.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengatakan bahawa banyak orang telah ditangkap dan akan dihukum gantung atau mati. Tetapi mengapakah Kerajaan menyimpan lagi orang-orang yang begini. Patutlah mereka dihukum gantung supaya mereka mati dan tidaklah payah kita beri makan dan layanan kepada mereka. Ini boleh dianggap sebagai satu kelemahan kepada Kerajaan. Datang minta ampun, kita beri ampun. Ini hendaklah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ehwal negeri, saya rasa Kerajaan belum menjalankan kuatkuasa sepenuhnya. Dahulu saya telah minta kepada Kerajaan supaya anak-anak kita yang ada di tengah-tengah jalan yang telah lulus Darjah Enam yang pada hari ini bermaharajalela dengan dadah, patutlah Kerajaan ambil budak-budak ini supaya dilatih menjadi tentera. Dengan adanya penagih-penagih dadah inilah yang akan menjahanamkan Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itulah sahaja ucapan saya dan saya ucapkan berbilang terima kasih.

4.25 ptg.

**Datuk Dr Wee Khoon Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya menyentuh sepatah dua kata pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul rakan saya Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin, usul menyembahkan ucapan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, kerana Titah Ucapan Baginda semasa pembukaan Penggal Yang Keempat, bagi Parlimen Yang Keempat pada 20hb Mac, 1978 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang anak Kelantan dan ketua salah satu parti komponen Barisan Nasional Negeri Kelantan, izinkanlah saya mengucapkan terima kasih kepada saudara saya Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel, Datuk Dr C. Sinnadurai dan Datuk Seri Hussein Mohd. Noordin yang telah melahirkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Sri Perdana Menteri khasnya dan Barisan Nasional serta Parti Berjasa amnya, atas kemenangan cemerlang dalam pilihanraya Majlis Undangan Negeri Kelantan baru-baru ini.

Saya bersetuju benar, dengan apa yang dikatakan oleh mereka itu, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, seorang Perdana Menteri Malaysia yang berprinsip, ikhlas, dan jujur dan yang berdarjat tinggi antarabangsa. Kami berdoa moga-moga mandat sepenuhnya yang telah diberi kepada Yang Amat Berhormat itu dan Barisan Nasional oleh rakyat Kelantan, akan mengulangi dalam pilihanraya umum akan datang. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, seorang rakan saya, pada tiga hari dahulu menyentuh Rang Undang-undang Dharurat Kelantan yang diuluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara akhir tahun lalu. Ia menuduh bahawa satu arahan telah disampaikan kepada tiap-tiap ahli Barisan Nasional Dewan yang mulia ini dengan mengarahkan tiap-tiap Yang Berhormat Dewan yang mulia ini menyokong undang-undang tersebut dan dikaitkan arahan itu dengan suatu perenggan "tatatertib Barisan Nasional", dan juga tuduhan berkenaan dengan masalah keadilan dalam masa pilihanraya Negeri Kelantan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan di sini bahawa tuduhan itu tidak benar. Saya seorang ahli Barisan Nasional juga tidak dan belum pernah menerima apa-apa arahan pun, tetapi saya telah menyokong undang-undang itu kerana keselamatan Negeri Kelantan dan kepentingan Negara. Kerajaan mengharamkan rapat umum dalam pilihanraya Negeri Kelantan kerana kawalan keselamatan, maka segala ceramah mengempen adalah dikawal oleh pihak polis dan dijalankan dengan adil tanpa menyentuh kepada sesuatu pihakpun. Kemenangan Parti Barisan Nasional ialah kerana menifesto kemajuannya dan kepercayaan rakyat, tidak ada apa-apa alasan yang lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pilihanraya tersebut, perkempenan hebat parti-parti telah mengakibatkan suasana yang begitu kencang. Pihak Polis Di Raja dengan menjalankan tugasnya yang begitu rapi dan cekap telah berjaya memelihara ketenteraman negeri Kelantan sewaktu pilihanraya itu dijalankan. Patutlah saya mengambil peluang di sini dalam Dewan yang mulia ini, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka itu, iaitu pihak Polis Di Raja Kelantan, dan juga ibupejabatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri adalah satu Kementerian yang bersifat dinamik dalam hubungan dengan negara-negara Komanwel, dalam bidang hubungan antarabangsa, khasnya dalam Persidangan Kemuncak ASEAN yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos yang lalu yang disusuli dengan perjumpaan antara Ketua-ketua Kerajaan Australia, Jepun dan New Zealand, dengan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN sebagaimana yang dititahkan oleh Baginda. Ini merupakan satu kejayaan yang amat besar bagi negara Malaysia kita, di samping itu perjumpaan ini memberi makna kepada konsep ASEAN, dan mencerminkan hasrat Malaysia untuk berbaik-baik dan bekerjasama dengan negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan seperti ini dan tugas kewajipan yang dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri telah meningkatkan bayangan dan prestige Malaysia di bidang antarabangsa. Dengan perkembangan bidang hubungan antarabangsa dan hubungan dengan negara-negara Komanwel dan lain-lain hubungan yang sedang bertambah berlaku, memerlukan pertambahan lawatan luar negeri Yang Berhormat Menteri dan terpaksa mengurangkan perhatian Yang Berhormat itu biasanya memberikan kepada rakyat kawasan mengundinya. Sungutan-sungutan rakyat yang tidak memahami kesulitan Yang Berhormat Menteri itu sentiasa ada. Masalah seperti ini tidak dapat dielakkan melainkan Timbalan Menteri Luar Negeri dilantik untuk membantu Yang Berhormat Menteri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di sini untuk dipertimbangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri dan seorang atau dua orang Timbalan Menteri Luar Negeri dilantik dan dijadikan Ahli-ahli Dewan Negara agar Yang Berhormat-Yang Berhormat itu tidak perlu melawat

kawasan mengundinya supaya segala kebimbangan mengenai sungutan-sungutan pengundi-pengundinya dapat dielakkan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat itu dapat menumpukan sepenuh tenaga dan masanya atas tugas mereka. Beginilah saya yakin akan lebih bermenafaat terhadap negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu berita yang sangat membimbangkan kita telah dilaporkan oleh berita akhbar *Star* pada 22hb April, 1978 bertajuk *The Educated Illiterates*. Kata berita itu:

*(Dengan izin)*

"Universities here are turning out "experts" who are functional illiterates. "They can't write proper English when they enter university and are no better off when they graduate," says an academician.

The acting head of the English Department in the University of Malaya, Associate Professor Ooi Boo Eng, said that not only a high percentage of freshmen were poor writers, but they had also been getting worse over the last 10 years.

"Most of them spoke well, but when it came to writing, they fumbled?" he said.

But what bothers the professor most is the students' inability to write good grammar.

"I have to correct fundamental grammatical errors—errors that one wouldn't think a varsity student would make," he said.

The lecturers do not have the time to give them individual attention or to teach them the basics of grammar. "We don't see our functions as teaching spelling, grammar and punctuation, which have been taught to the students earlier in schools he said.

As to why standards are deteriorating, nobody is sure—although there are a lot of theories.

Professor Ooi said that one possibility was the changing of English courses at primary and secondary schools.

"English taught in schools nowadays is not what it used to be, not so comprehensive. It now tends to be broken down. It may be interesting, but it isn't teaching students to communicate," he said.

His colleague, Professor Tunku Shamsul Bahrin, head of the Geography Department, said it was all due to insufficient practice. He said the only way to learn was through practice—and lots of it."

Tuan Yang di-Pertua, lapuran ini jikalau benar, sesungguhnya serius, ini menunjukkan betapa harusnya sistem pelajaran sekolah menengah dan sekolah rendah kita dikaji semula secara mendalam dan dibaiki seberapa segera yang boleh. Bahasa Inggeris ialah bahasa se dunia terutamanya dalam bidang ilmu perubatan, teknikal dan perdagangan. Dalam Sidang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini sekurang-kurangnya 70% peserta atau diplomat menggunakan Bahasa Inggeris semasa berucap walaupun bahasa rasminya adalah enam jenis bahasa di Pertubuhan itu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh beri penjelasan atas perkara ini yang dilaporkan oleh berita akhbar *Star* tiga hari lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak puashati berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Menteri Perhubungan terhadap Keretapi Pantai Timur petang tadi. Izinkan saya menyentuh atas masalah yang penting ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Kelantan mengatakan negeri Kelantan memerlukan sebanyak 1,088 gerabak barang keretapi untuk mengangkut kayu-kayan daripada Kelantan, tetapi pihak Keretapi Tanah Melayu dapat membekalkan 300 gerabak sahaja. Telah beberapa kali saya menyentuh di Dewan yang mulia ini akan keadaan yang buruk perkhidmatan Keretapi di Pantai Timur, khasnya daripada Kuala Lipis ke Tumpat. Gerabak penumpang itu sangat kotor dan buruk, landasan keretapi pun berumur berpuluh-puluh tahun. Kesemua ini patutlah dibaiki atau ditukarkan oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Kelantan sedang menghadapi satu zaman kemajuan yang penting sekali dalam sejarahnya. Perkhidmatan keretapi akan memainkan peranan yang amat penting tentang pembangunan dan perkembangan ekonomi negeri itu. Pengangkutan keretapi boleh dianggapkan pengangkutan yang murah sekali jikalau mengorganisasikan secara betul-betul, malangnya keretapi Pantai Timur ini dilengahkan seperti Cinderella sehingga hari ini. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan supaya mengambil berat dengan lebih positif atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, kebanyakan negara asing telah mengeluarkan stem-stem berwarna-warna yang telah mendatangkan hasil lebih banyak kepada negara-negara itu. Mengumpulkan stem-stem (stamps collecting) pada hari ini telah menjadi kegemaran yang sangat disukai ramai (popular). Malaysia adalah negara yang mengandungi bermacam-macam kebudayaan, tradisi, tabiat kehidupan rakyat, termasuk pula berjenis-jenis burung, binatang, tumbuh-tumbuhan tropika dan sebagainya. Inilah satu kekayaan negara patut kita menyalurkan untuk mendapati hasil, mendapati hasil dengan mengeluarkan stem-stem memperingati (commemorative issues) dan First-day Covers dan lain-lainnya lebih acapkali dari apa yang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu dan akhirnya saya ada sedikit pengaduan, terhadap Sistem Penerbangan Malaysia iaitu MAS. Tetapi sebelum saya menyetuh aduan saya, baiklah saya memberi sedikit pujian dahulu.

Saya adalah mengalami penerbangan melalui kapalterbang asing dan kapalterbang MAS di luar negeri telah beberapa kali. Jika kita bandingkan syarikat penerbangan asing dan syarikat penerbangan MAS kita, atas perkhidmatan, kelegaan, kesenangan dan sebagainya, maka MASlah akan dipilih oleh saya. Tetapi, saya amat keciwa terhadap perkhidmatan MAS dalam negeri. Bukan sahaja kedatangan dan keberangkatan kapalterbang itu kadangkala lewat, bahkan juga keadaan kecopetan (pilferage) barang-barang penumpang sewaktu transit atau waktu penukaran kapalterbang. Saya dapati banyak tuduhan dari penumpang-penumpang.

Di sini saya ingin beri satu contoh dengan tarikh, masa dan nombor penerbangannya yang tetap, untuk siasatan dan tindakan pihak berkuasa atau Kementerian Perhubungan. Pada hari Jumaat 7hb April, 1978, satu kumpulan pelancung pergi ke Pulau Pinang dari Kota Bharu melalui Kuala Lumpur dengan Flight No. 311 Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Mereka sampai di Kuala Lumpur pada pukul 11.45 pagi dan menukarkan kapalterbang melalui Flight No. 826 berlepas dari Kuala Lumpur pukul 1.15 petang ke Pulau Pinang. Barang-barang mereka dialih ke kapalterbang yang sama juga di bawah tanggungjawab MAS. Mereka itu sampai di Pulau Pinang dekat pukul 2.00 petang. Di antara barang-barang penumpang-penumpang

itu ada satu kotak besar dipenuhi dengan buah mangga bernilai \$47.00 dan kotak itu telah diketatkan dengan tali plastik dengan betul-betulnya di Kota Bharu. Apabila sampai di Pulau Pinang, separuh dari buah mangga itu telah hilang dan tali plastik itu-pun dibiarkan tak terikat balik. Kejadian pilferage di lapangan terbang kita telah banyak kali berlaku dan tuduhan-tuduhan penumpang yang terlibat tidak dapat diperhatikan oleh pegawai lapanganterbang kerana mengikut beliau itu luar tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, kehilangan buah mangga itu tidak menjadi apa-apa masalah kerana nilainya \$47 sahaja. Apa yang dianggap serius ialah nama baik MAS dan imej Malaysia yang patutlah dikawal dan dipelihara secara betul-betul. Perkara ini perlulah diperhatikan oleh Kementerian dan tindakan sewajarnya hendaklah diambil dengan segera supaya kejadian seperti ini tidak dilakukan lagi kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.41 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. TIMBALAN YANG DI- PERTUAN AGONG**

*Perbahasan disambung semula.*

*5.00 ptg.*

**Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya bersama-sama menjunjung kasih kepada Titah Di Raja yang telah diberikan tempoh hari.

Saya terus kepada Kementerian Perusahaan Utama di mana sedikit-sebanyak saya ada mencampuri perusahaannya dan saya bawa kepada perusahaan bijih timah. Di sini saya berkata berkenaan dengan bijih timah ini

bukanlah untuk membela barangkali pada pandangan setengah iaitu membela orang kaya, tetapi sumber bijih timah ini adalah satu sumber pendapatan negara kita dan pendapatan ini pada satu masa inilah pendapatan yang besar tetapi sekarang telah merosot. Maka tindak-tanduk Kementerian ini saya sedikit-sebanyak mengucapkan tahniah kerana baru pagi tadi sahaja saya telah menghadiri satu mesyuarat ulung badan pengarah, saya katakan di sini terjemahannya, Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Timah Asia Tenggara (South-East Asia Tin Research and Development Centre), yang baru sahaja ditubuhkan untuk menggalak dan memajukan lagi pengeluaran bijih timah. Apakah sebab kita hendak menggalakkan keluaran, oleh kerana inilah satu sumber pendapatan negara kita, begitu juga pendapatan negara-negara di Asia Tenggara ini. Maka kita berusaha mengeluarkan lebih lagi untuk siapa? Selain daripada kewangan yang kita dapat dari menjual bahan mentah kita rasa saya adalah memberi bahan mentah kepada negeri-negeri yang menggunakannya iaitu negeri-negeri yang telah berkemajuan. Ini adalah menunjukkan yang negara-negara di wilayah ini sangat minat supaya sumber-sumber ini dapat digunakan oleh dunia tetapi malangnya pihak-pihak pengguna ini saya rasa sungguhpun boleh mereka itu mengendali atau memajukan sama, setengah daripadanya tidak bekerja dengan eratnya. Di sini saya maksudkan iaitu satu daripadanya yang baru dibuat untuk menggalakkan tetapi saya katakan pula di dalam Majlis Timah Antarabangsa. Di Majlis Timah Antarabangsa baru-baru ini mesyuaratnya di London, maka didapati di sana negeri yang mengeluarkan bijih meminta supaya harga lantai dinaikkan iaitu daripada \$1,200 satu pikul kepada \$1,400 satu pikul dan harga ceilingnya diminta naikkan sehingga \$1,700 satu pikul. Permintaan-permintaan ini berdasarkan daripada selidikan atau siasatan yang terlebih dahulu menunjukkan, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah mengatakan kos mengeluarkan bijih satu pikul pada masa ini yang telah dikaji iaitu kajian yang dibuat sehingga hujung tahun sudah adalah \$1,462 sepikul, maka kita minta supaya kos ini sahaja bahkan \$1,400 sepikul, itupun kurang daripada kos kita mengeluarkan pada masa ini.

Sekiranya berkehendakkan bijih yang baru, apakah dikatakan bijih baru? Iaitu keluaran negara kita sendiri telah merosot pada satu

ketika dahulu sehingga 80,000 tan satu tahun, pada masa ini kurang daripada 60,000 tan satu tahun, maka sekiranya berkehendakkan kemajuan ataupun keluaran yang lebih hendaklah menaikkan kos. Kos ini yang telah dihisab lebih kurang \$1,600 satu pikul barulah sesuatu pelabur itu akan mendapat wangnya dengan menguntungkan. Malangnya mesyuarat di London baru-baru ini negara-negara yang maju telah menggunakan kuasa veto mereka itu. Apakah dikatakan kuasa veto? Di dalam Majlis itu sekiranya usul hendak diluluskan hendaklah diundi oleh pihak pengeluar dan diundi oleh pihak pengguna. Sekiranya kedua-dua undi ini menang baru boleh dijalankan tetapi malangnya undi pihak pengguna yang diketahui, saya katakan diketuai oleh kerana banyak penggunaannya iaitu Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman Barat, ketiga-tiga mereka ini menggunakan undinya. Apabila digunakan undi mereka itu tidak dapat hendak diluluskan usul tersebut. Ini saya berasa keciwa oleh kerana mereka ini kita harap-harap untuk menolong negeri yang berkemajuan atau negeri yang masih hendak maju. Bukan kita minta sedekah kepada mereka itu tetapi minta belilah barang yang kita keluarkan ini supaya dapat dengan keuntungan mengeluarkannya. Sudahlah dengan itu, apabila diminta supaya Pengurus Penimbang Bijih Timah yang ada di London itu menggunakan wangnya untuk masuk ke dalam pasaran bijih timah, itupun juga diveto oleh mereka itu.

Di sini saya minta menerangkan sedikit iaitu adalah tujuan sebenarnya bukanlah kita hendak harga mahal tetapi kita hendakkan harga stabil. Di waktu yang sudah-sudah daripada perjanjian yang pertama sehingga keempat, Amerika Syarikat tidak masuk di dalam Majlis Timah Antarabangsa ini maka di waktu itu kita dapati harganya stabil dan banyak juga tindak-tanduk kita yang kadangkala terpaksa mengikat-menjerut pinggang supaya dapat harga yang baik kepada perindustri-industri kita di negara kita ini dan selalunya usul diterima dengan sebulat suara apabila perjanjian yang kelima ini kita pujuk Amerika Syarikat, Menteri kita sendiri pergi ke Amerika Syarikat minta masuk, apabila masuk harga stabil saya belum lagi melihatnya, iaitu tahun sudah melambung harganya naik. Kita tidak suka harganya melambung kerana apabila sesuatu benda itu naik tinggi senang sangat turunnya

sebagaimana yang kita lihat sekarang ini telah turun ke bawah. Turun pun pula disebabkan apa? Disebabkan Amerika Syarikat mengatakan mereka itu akan mengeluarkan bijih timah ataupun timah yang ada di dalam stok mereka itu. Stok ini apabila dikatakan sahaja hendak dikeluarkan maka harga pasaran telah mula turun, maka apakah gayanya? Sudahlah begitu, mereka itu tidak pula menceritakan bilakah benda ini sebenarnya keluar. Dengan awang-awang ini sahaja harga pasaran telah merosot, maka menyusahkan negara-negara yang membangun dan mengeluarkan bijih timah ini.

Saya harap kalau dapatlah Menteri kita berusaha lebih lagi minta supaya diberitahu dunia, diberitahu kepada kita bilakah dan berapa banyakkah yang sebenar-benarnya supaya tidak ragu-ragu pasaran bijih timah untuk menstabilkan harga ini. Di sini saya lihat di dalam Titah Di Raja mengatakan pasaran barangan, iaitu termasuk bijih timah akan diadakan di negara kita ini, barangkali harus juga patut pasaran ini nanti dapat kita menstabilkan dengan secara langsung ataupun tidak langsung dari negara kita ini, sudah barang tepat nya patut kita jalankan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara berkenaan dengan bijih timah ini yang merumitkan pengeluar-pengeluar di negara ini. Baru-baru ini datang satu undang-undang iaitu tahun sudah ada Rang Undang-undang Mencegah Penyeludupan. Mencegah penyeludupan didapati yang dikatakan sumber-sumber bijih yang datang tidak tahu daripada mana-mana tempatnya lebih kurang dalam dunia ini 12,000 tan satu tahun, lebih kurang 1,000 tan satu bulan. Malangnya pada masa ini saya dapat tahu mengatakan negara Singapura telah membuat satu pelebur bijih timah tetapi satu biji bijih timah pun tidak ada dikeluarkan oleh mereka itu. Maka dari manakah datangnya bijih itu? Tentulah melalui penyeludupan. Barangkali datang daripada negara ini sendiri, daripada Siam ataupun daripada Indonesia. Sekiranya negara jiran kita berbuat demikian, kita sudah tahu bahawa negara itu tidak ada mengeluarkan bijih tetapi ada pula satu loji pelebur bijih untuk menjualnya di pasaran dunia. Malangnya pula sekali lagi saya dengar pelebur bijih itu adalah dibeli dari Kelang, ada satu pelebur bijih yang dibuat di Kelang pada satu masa tidak dapat menguntungkan maka telah ditutup, maka loji itu telah dijual ke negara

tersebut. Ini pun satu lagi yang susah hati iaitu di masa pengeluar-pengeluar masih lagi menjerut pinggang maka ada juga swasta-swasta kita yang sanggup menjualkan sedemikian dan merosakkan negara kita. Akibatnya, yang susah adalah pengeluar-pengeluar bijih yang ada di negara kita ini. Yang susah saya katakan, apabila terjadi sedemikian, datanglah satu peraturan.

Sekarang ini sesiapa yang hendak menjual bijih apabila telah dikeluarkan daripada lombongnya terpaksa meminta satu kebenaran yang bertulis, daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan. Ini menyusahkan lagi, bahkan baru-baru ini apabila peraturan itu telah hendak dijalankan, maka daripada pihak-pihak pengeluaran, Dewan-dewan Perlombongan telah berjumpa dengan pihak Menteri maka Menteri itu dengan baik hatinya telah dapat berunding. Dengan rundingan ini sungguhpun pada pendapat saya belum cukup memuaskan oleh kerana sekalian pergerakan bijih timah dikawal, pada pendapat pengeluar-pengeluar bijih timah sepatutnya dikawal di pelabuhan, di hujung negara, umpamanya, di Johor, tidak ada sebabnya bijih daripada Selangor ataupun Perak hendak berjalan ke Johor kerana tidak ada pelabur di sana dan di perenggan-perenggan ini patut diadakan curfew, bukannya pergerakan bijih timah dalam Kuala Lumpur ataupun dalam Lembah Kinta, tetapi dalam pada itu pula oleh kerana Kerajaan juga barangkali ada kesukarannya maka dengan itu dapat juga pelombong-pelombong ataupun pengeluar-pengeluar bijih berunding dan menyenangkan sedikit sebanyak pergerakan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak mengucapkan terima kasih di atas dapatnya perundingan. Sebab apa saya katakan dapat perundingan, dengan ini maka tidaklah kedengaran heboh sebagaimana kita dengar cermin gelap hendak ditahan ataupun dibantah penggunaannya. Saya melangkah ke cara itu dan sungguhpun sahabat saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah mengatakan undang-undang tidak boleh dicabul dan sebagainya, tetapi saya melihat daripada satu pandangan yang lain, sekiranya ada pihak Kerajaan, pihak yang berkuasa samada datangnya daripada pegawai Kerajaan ataupun pihak yang saya katakan berkuasa tadi hendak menasawai perkara ini, tidakkah boleh dikaji, tidakkah boleh dirundingkan dengan segala pengguna-peng-

guna. Maka rasa saya baik sangat Kerajaan menggalakkan dewan-dewan, menggalakkan persatuan-persatuan. Dengan ini ada tali, jika ada tali di antara Kerajaan atau pihak yang berkuasa dengan pengguna maka rasa saya tidaklah menjadi haboh seperti ini.

Dahulu sekali kita telah lihat topi keledar, sehingga teruk Menteri, harus disebabkan perkara itupun Menteri tersebut telah terkeluar dari Kementerian itu, maka sekarang seorang lagi pula Menteri sudah teruk oleh kerana implimentasinya entah ke mana kesalahannya. Tidakkah teringat, ataupun tidakkah ada selidikan yang mengatakan apabila sudah hendak dibawa baru tahu harganya hampir \$200 million dikehendaki menggantikan cermin-cermin gelap. Di sini saya lihat, undang-undang juga apabila hendak dirakamkan, tidakkah boleh dirundingkan. Saya tahu kuasa adalah di dalam tangan pihak yang berkuasa. Orang yang berkuasa kadang-kadang merasa frust kerana orang yang mengguna ataupun orang awam banyak cara jalan melepaskan diri mereka itu ataupun mencari jalan—bukan melanggar, lari daripada undang-undang tersebut, maka dengan perasaan frust ini dibuat satu undang-undang yang lebih ketat lagi.

Saya bawa kepada satu undang-undang yang baru sahaja diluluskan pada persidangan yang lalu. Ini misalan sahaja, pada waktu itu saya tidak bercakap sungguhpun saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan iaitu undang-undang hendak memajukan tapak rumah. Memajukan tapak rumah sekarang ini jikalau undang-undang itu dikuatkuasakan mestilah mendapat lesen, jikalau dibuat tidak betul gayanya, boleh ditahan kerja dan Kerajaan boleh membuatnya pula dengan cara yang dikehendaki oleh undang-undang dan dibayar oleh pemaju perumahan. Sekiranya undang-undang ini dijalankan ataupun dikuatkuasakan, siapa yang susah? Pengguna-pengguna juga yang susah kerana pemaju-pemaju rumah apabila kosnya naik diserahkan kepada pembeli. Maka Kerajaan—Kerajaan wakil orang ramai, wakil orang-orang yang membeli tidak dapat berunding dengan pemaju-pemaju rumah menerusi Housing Development Association, misalnya supaya tidak menyusahkan nanti di waktu implimentasi. Saya berharap dengan ini dapatlah kita menjalankan kerja-kerja kita dengan licinnya.

Saya beralih pula kepada perkara lain dalam ucapan saya ini. Saya bukanlah susah hati, tetapi saya tertarik kepada perkataan-perkataan yang pendek-pendek sahaja, yang panjang-panjang ini saya nampak huraian-nya, tetapi seperti dalam Titah Ucapan Baginda yang mengatakan: "Kerajaan Beta akan menumpukan perhatian dan usaha untuk meningkat taraf pengurusan dalam perbadanan-perbadanan awam untuk menentukan kejayaan perbadanan tersebut." Dua baris sahaja, maka pada saya ini sangat besar maknanya. Kerana apa? Di dalam perbadanan-perbadanan awam ini berapa banyak berlabur wang yang keluar daripada poket orang ramai yang membayar cukai. Tetapi saya katakan di sini, dari pengalaman saya yang singkat hendak mengeluarkan jurutera, jurukira dan sebagainya lebih murah daripada hendak membentuk, membina, dalam bahasa Inggerisnya satu businessman. Menyeluarkan businessman selalunya lebih mahal, kerana apa? Apabila mereka itu telah pandai, apabila hendak masuk lapangan perniagaan, di situlah saya rasa Tan Sri sendiri tentu sedar, kadang kala ruginya bermillion-million ringgit. Kerugian ini untuk pengalaman, untuk memberi satu pelajaran kepada pengurus-pengurus ini dan saya mengucapkan syabas kerana kesedaran ini dan saya ini sangat besar ertinya dan di sini saya menarik perhatian iaitu badan-badan berkanun ini janganlah membuat banyak duplikasi, berulang-ulang. Saya berikan contoh sedikit sahaja yang saya tahu. Umpamanya, menjual power tiller ataupun pembajak bermotor pada peladang-peladang. Ada badan-badan berkanun yang mempunyai syarikat-syarikat menjual perkara ini. Saya tahu satu, dua, tiga, kemudian kuasa-kuasa besar barangkali MADA pun membuat anak syarikat menjual perkara itu juga. Saya minta harap dibetulkan kalau pendapat saya salah, datang pula menerusi persatuan peladang, buka pula satu syarikat menjual perkara itu juga. Maka dengan itu bercanggah, saya rasa dengan sendirinya satu atau dua daripadanya terbantut yang mana saya tahu telahpun terbantut oleh kerana pertandingan sama sendiri. Perkara ini patut dibereskan di masa hadapan dan mahulah cekap kerana saya lihat kadang-kadang badan-badan berkanun itu tidak di dalam satu Kementerian, tetapi banyak Kementerian-kementerian lain mengambil peranan.

Saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan belia. Saya mendapat tahu sebuah lagi pusat latihan belia akan ditubuhkan.

Adakah cukup sebuah sahaja? Tuan Yang di-Pertua, perhatikan begitu banyak belia yang keluar daripada sekolah-sekolah sekarang ini untuk mendapat latihan ini? Saya pula menyoal dengan dua baris sahaja adakah cukup dengan sebuah pusat ini sahaja?

Akhirnya, saya hendak menyentuh berkenaan dengan rumah murah. Sudah banyak kita dengar rumah murah dan banyak rakan-rakan saya bercakap berkenaan dengan rumah murah. Apa yang hendak saya kemukakan di sini bagaimanakah yang dikatakan rumah murah dan untuk siapakah rumah murah? Saya rasa Senator Kamarul Ariffin mengemukakan berapa banyak pendapatan yang miskin. Apakah istilah miskin, berapa pendapatan miskin? Saya dengar dua tiga tahun dahulu istilah miskin, sekarang inflasi sudah naik, jika seorang itu pendapatannya \$180 sebulan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila ringkaskan—sudah lewat 25 minit.

**Tuan Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin:** Dua minit lagi. Rumah murah yang saya dengar dapat dibina \$5,000 sebuah, jika \$5,000 sebuah, sekurang-kurangnya seseorang itu terpaksa membayar \$60.00 sebulan. Jika gaji atau pendapatannya kecil bagaimanakah orang itu dapat membeli rumah yang murah demikian itu. Maka dengan ini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya standard rumah murah itu hendaklah dikurangkan sementara. Saya mencadangkan sepatutnya kawasan tapak dibina, saya ingat tidak lebih daripada \$2,000 yang cukup dengan jalan raya yang mutunya kurang sedikit, cukup dengan letrik dan air, tetapi rumah biarlah mereka itu mendirikan sendiri oleh kerana saya tahu kalau mereka mendirikan sendiri dengan \$700 boleh buat sebuah rumah dan pakai kayu sayung dahulu. Mengapa ini tidak dapat dijalankan supaya orang-orang yang betul miskin mendapat rumah.

Saya rasa pada hari ini dalam akhbar *Utusan Melayu* di dalam lidah pengarangnya mengatakan perkara ini, saya ingat adalah betul, oleh kerana orang yang mendapat rumah murah biasanya telah mempunyai 3-4 buah rumah. Dengan itu saya minta supaya dibuat penyelidikan. Sungguhpun Kementerian Perumahan mengatakan telah diadakan penyelidikan, tetapi di manakah hasil penyelidikan itu supaya orang-orang yang benar-

benar tidak ada berumah, benar-benar miskin dan benar-benar berpendapatan rendah mendapat rumah.

5.24 ptg.

**Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, bismillahirrahman nirrahim. Saya berbanyak mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi saya berucap di dalam Dewan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong penuh usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin. Di dalam membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi junjung kasih dan setinggi-tinggi ucapan tahniah di atas Titah Ucapan Baginda pada pembukaan Parlimen baru-baru ini yang mana Titah Ucapan Baginda itu meliputi segala aspek yang boleh membawa kepada keteguhan negara dan boleh membawa keamanan dan kemakmuran negara Malaysia yang dikasihi ini. Sekiranya kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakyat dapat memberi kerjasama dengan pihak Kerajaan dan bertanggungjawab dengan penuh kejujuran dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Titah Ucapan Baginda mengenai perpaduan rakyat yang berbilang keturunan di negara kita Malaysia ini adalah satu perkara penting dan utama sekali hendak diusahakan bagi keteguhan satu-satu negara lebih-lebih lagi masyarakat negara kita yang berbilang keturunan, berbilang kaum dan berbilang agama dan kebudayaan, maka usaha-usaha untuk mencapai perpaduan ini akan gagal dan tidak tercapai sekiranya rakyat negara ini tidak mahu bertanggungjawab, tidak bertimbang rasa dan tidak mahu bertolak-ansur khasnya orang-orang bukan Bumiputra, mereka jangan lagi menyebut perkara-perkara perkauman. Dengan cara itu barulah dapat kita bersatu-padu dengan aman-damai dalam negara kita yang dikasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu saya tahu banyak ahli-ahli belia di dalam negara kita ini dan saya juga suka tahu berapa banyakkah bilangan belia yang dapat mendaftar nama di dalam Kementerian tersebut. Di sini saya berharap

kepada pihak yang berkenaan supaya dapat bertambah lagi bilangan peruntukan kepada belia-belia di masa akan datang ini kerana kita tahu belia-belia inilah yang akan mengambil-alih di masa akan datang nanti kedudukan negara kita ini. Saya berharap dapat pihak Kementerian ini mengadakan lebih banyak dan memberi kursus perniagaan, kursus ugama, dan kursus politik, kerana belia-belia ini patut mengambil tahu cara kedudukan politik, ugama dan juga lain-lain lagi. Jadi dengan itulah saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian ini dan juga kepada Kerajaan supaya dapat menambah lebih banyak lagi peruntukan dan dapat memberi latihan kepada belia-belia ini di dalam negara kita dan juga di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap dalam Jabatan Perdana Menteri tentang Tabung Haji. Adakah pihak Kementerian ini sedar orang-orang Islam di Malaysia kita ini terlalu kurang dapat menunaikan fardu haji di Mekah. Menunaikan fardu haji di masa tahun 1974 dahulu kalau kita ada \$5,000 bolehlah kita pergi ke Mekah suami isteri, tetapi dalam tahun 1976, 1977, saya rasa kalau tak ada \$10,000 kita tak dapat pergi ke Mekah suami isteri. Jadi saya menarik perhatian Jabatan Perdana Menteri mengadakan kapal laut di masa akan datang kerana tambang kapal laut adalah murah sedikit daripada kapal-terbang.

Yang kedua, saya harap pihak Jabatan itu dapat berbincang dengan Saudi Arabia supaya bakal-bakal haji kita di Mekah dan juga di Madinah dapat rumah-rumah murah di dalam masa menunaikan fardu haji.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya membawa perkara berkenaan dengan pertanian yang mana saya juga sebagai wakil dari Negeri Kedah, ada juga saya dengar Yang Berhormat rakan-rakan saya telah membawa berkenaan dengan perkara pertanian ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pertanian yang mana dapat memberi bantuan kepada pihak-pihak peladang yang mengalami kemarau. Di sini saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya dapat memberikan bantuan-bantuan ini dengan secepat mungkin dan janganlah duduk bercakap sahaja wang-nya tidak sampai kepada pihak yang telah mengalami kemarau.

Begitu juga pihak Kementerian Pertanian sekarang ini telah memberi bantuan wang dan juga memberi bantuan kepada peladang-peladang ini memelihara ternakan anak ayam, itu juga saya mengucapkan terima kasih. Cara-cara memberi bantuan ini kepada peladang-peladang itu mengorek dan mencuci sungai-sungai di dalam kawasan-kawasan di Negeri Kedah ada juga sekarang ini telah terjadi pergaduhan peladang, sebab tender yang diberikan kepada peladang-peladang itu terlalu murah. Baharu-baharu ini ada juga peladang-peladang menjalankan tugas-tugas mereka itu dan membuat demonstrasi kepada pihak yang berkenaan. Itulah harapan saya kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat menubuhkan satu jawatankuasa yang betul-betul dapat menyelidiki peladang-peladang yang mengalami kemarau ini.

Saya harap kalaulah di masa-masa akan datang nanti dapatlah diadakan jenis tanaman lain di Negeri Kedah yang mana setahu saya di dalam Negeri Kedah buah mempelam sangat-sangatlah menjadi di atas tanah-tanah negeri itu. Tetapi apa sebabkah pihak Jabatan Pertanian tidak mahu mengadakan tanaman mempelam ini kepada kawasan-kawasan di sana. Pada masa sekarang ini, banyaklah mempelam-mempelam itu datang daripada negeri Thailand seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi, orang-orang Thailand datang berniaga di Negeri Kedah. Jadi, harapan saya supaya dapat pihak Kementerian ini mengambil tindakan.

Begitu juga saya harap supaya pihak Kementerian ini menimbangkan kembali harga padi di negeri Kedah, sebab peladang-peladang yang bekerja sawah padi ini bukanlah orang senang, mereka itu tidak ada sedikit pun tanah, mereka hanya menyewa tanah-tanah tersebut daripada orang-orang kaya. Sewa tanah ini terlalu mahal sekarang. Kalau dahulu sewanya \$100 seekar tetapi sekarang telah naik sampai \$400-\$500 seekar. Maka dengan inilah pihak peladang selalunya apabila lepas sahaja menuai padi habislah padi-padinya dijual begitu sahaja. Dengan ini, saya harap dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri. Saya harap pihak Kementerian Luar Negeri mengadakan penasihat ugama. Banyak penuntut-penuntut

kita belajar di luar negeri seperti London, Australia dan Amerika, maka saya harap pihak Kerajaan menghantar penasihat agama di tiap-tiap negeri itu sebab, saya tahu di masa sekarang ini tidak ada, yang ada hanya Pegawai Kebajikan sahaja. Itu sebab penuntut-penuntut kita di luar negeri terlalu kurang pelajaran agama. Dengan itu, saya membuat syur ini supaya dapat pihak Kerajaan menghantar pegawai yang saya sebutkan tadi, dan orang-orang yang hendak dihantar itu janganlah kita hantar orang yang tidak tahu agama. Kita kenalah hantar orang yang ada ijazah seperti B.A. Al-Azhar. Begitu juga harapan saya supaya kalau boleh wanita juga dihantar; wanita yang ada kelulusan B.A. Al-Azhar di negeri yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang kelmarin ada seorang penuntut balik ke Malaysia. Penuntut itu tinggal jauh daripada London iaitu di Lancaster. Apabila dia berada di London baru dia dapat tahu kedudukan pilihanraya di Negeri Kelantan yang telah dapat ditebusi oleh pihak Barisan Nasional. Jadi, dia tidak dapat tahu langsung semasa duduk di sana, Itulah sebab saya katakan bahawa perhubungan ini kurang sangat di Kedutaan di luar negeri. Tetapi kalau kita dengar jawapan-jawapan daripada Menteri semuanya cukup. Mereka itu mengatakan suratkhbar-suratkhbar pun susah hendak dapat, kadang-kadang sampai seminggu, dua minggu mereka tidak dapat membaca suratkhbar Malaysia. Jadi, itulah harapan saya supaya dapatlah pihak Kementerian ini mengadakan lebih banyak lagi perjumpaan khasnya kepada penuntut-penuntut ini. Maka dengan sebab itu, kejadian baharu-baharu ini di Australia semasa Yang Berhormat Perdana Menteri melawat Australia penuntut-penuntut di sana mengadakan bermacam-macam cara. Saya rasa dengan adanya cara begini, insya Allah, penuntut-penuntut itu dapat tahu kejadian di negara kita, dan tidak akan berlaku perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bawa kepada Kementerian Pelajaran yang mana saya dapat tahu di masa sekarang ini Kementerian Pelajaran telah memberi peluang kepada pihak Pertanian menjalankan kelas Tadika dan juga Tabika khasnya di Negeri Kedah. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas tindakan yang diambil oleh KEMAS mengambil tahu ke-

duduk kelas Tadika di seluruh negeri. Inilah yang kita berharap, kerana saya tahu di Negeri Kedah khasnya banyak kelas-kelas Tadika ini dibuka oleh pihak swasta dan mengambil wang kadang-kadang \$25-\$30 tiap-tiap seorang kanak-kanak. Kelas Tadika swasta ini, mereka telah mengajar kanak-kanak itu macam kanak-kanak yang sudah besar iaitu membaca dan menulis. Guru-gurunya tidak terlatih, tidak ada diberi kursus, jadi sebab itulah terjadi di masa sekarang ini iaitu kanak-kanak yang telah belajar itu apabila mereka itu masuk Darjah I di sekolah budak-budak ini sudah pandai membaca dan menulis. Kalau gurunya beri rencana 30 minit, dia buat 20 minit telah siap. Jadi, 10 minit lagi kanak-kanak itu pergi mengacau kanak-kanak yang lain. Kepada pihak yang berkenaan yang suka ingin mengambil tahu tentang Tadika maka dapatkanlah latihan guru dengan lebih banyak lagi supaya guru-guru Kemas ini dapat melatih kanak-kanak itu dengan sempurna.

Saya rasa kalau kita biarkan perkara ini lebih lama lagi maka budak-budak ini akan jadi nakal dan ada yang setengahnya apabila masuk darjah satu, dia langsung tidak mahu pergi sekolah. Katanya dia sudah pandai membaca dan menulis. Bila sampai naik darjah dua dan tiga lagi bodoh budak itu kerana dia tidak mahu pergi langsung ke sekolah. Kita tahu perkara ini kecil sahaja, tetapi kalau perkara ini tidak dikaji, ini akan menjadi kelemahan kepada anak-anak kita semasa ia kecil lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan di sini berkenaan dengan Kementerian Pelajaran yang selalu disebut-sebut di seluruh negeri dan Guru-guru Besar juga telah menyebutkan bahawa banyak anak-anak Melayu kita tidak pandai membaca Fatihah dan tidak pandai sembahyang. Ini juga satu perkara yang besar yang telah berlaku kepada kanak-kanak kita. Jadi harapan saya supaya Kementerian Pelajaran dapat menimbangkan kedudukan pelajaran agama kepada kanak-kanak sekolah dan menambahkan lagi masa untuk pelajaran agama di samping ditambah guru-guru agama supaya penuh di sekolah-sekolah yang ada di dalam negara kita ini.

Yang akhir sekali, saya suka juga mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang mana baru-baru ini telah menjadikan

satu sejarah kepada negara kita bahawa beliau telah menegaskan kedudukan Perlembagaan negara dengan mengadakan MAGERAN dan mengadakan pilihanraya dengan secepat mungkin di negeri Kelantan. Saya juga turut bersama dalam kempen pilihanraya di negeri Kelantan, dan saya berharap kepada pihak yang berkenaan yang mana Yang Berhormat Datuk Mohamad Nasir, Menteri Perusahaan Awam, ada dalam Majlis kita hari ini, saya harap kepada pihak Menteri Besar Kelantan dapatlah memberi kerjasama betul-betul kepada rakyat negeri Kelantan untuk diberi apa sahaja yang patut kepada rakyat negeri Kelantan, kerana saya tahu bahawa selama 19 tahun negeri itu diperintah oleh Parti PAS, mereka tidak dapat apa-apa pembangunan pun—saya sendiri telah pergi di masa kempen pilihanraya, bila hendak masuk ke kampung-kampung bersyarat lebih dahsyat lagi daripada menaiki kereta lembu. Balik sahaja seminggu saya sakit badan—tak habis lagi, kerana masuk ke kampung berkempen semasa pilihanraya diadakan. Saya juga turut bersama berjanji semasa kempen itu supaya dapat kita memberikan apa juga rancangan kepada rakyat negeri Kelantan.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dan juga kepada Yang Berhormat Datuk Mohamad Nasir dan juga kepada rakyat negeri Kelantan yang mereka sama-sama mengubah sikap hendak bersama-sama mengambil nikmat apa yang ada dalam negeri Kelantan kerana orang-orang miskin terlalu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong penuh usul ucapan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

5.45 ptg.

**Tuan M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Saya hendak bercakap mengenai setinggan, perumahan dan samsu. Di sekitar bandaraya Kuala Lumpur ada terdapat lebih kurang 30,000 setinggan yang tinggal di dalam keadaan yang amat buruk tanpa apa-apa kemudahan moden. Kerajaan sedang berusaha hendak memperbaiki keadaan hidup mereka dengan menyediakan stand pipes,

balairaya dan lain-lain kemudahan. Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk bekalan air. Dalam satu kawasan setinggan dengan lebih kurang 300 kelamin, 4 atau 5 stand pipes telah diberi dan ini pada pendapat saya tidak mencukupi. Jika kita melawat kawasan ini, kita akan dapat melihat paip-paip getah telah dipasang di stand pipes itu dan air dibekal terus ke rumah-rumah setinggan. Sebenarnya pancur itu digunakan segenap hari dan kadang-kadang terdapat banyak setinggan yang beratur untuk mengambil air. Di setengah-setengah kawasan pancur-pancur telah dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab menyebabkan pembaziran air.

Pada pendapat saya masalah-masalah ini boleh diatasi atas sebab-sebab perikemanusiaan. Kerajaan patut mengubah dasar untuk melonggarkan bekalan air terus ke rumah-rumah setinggan seperti dibuat untuk estet-estet perumahan yakni paip terus disambung ke rumah mereka. Saya berpendapat setinggan akan lama berada di sekitar bandar kita sehingga rumah-rumah murah atau rumah-rumah pangsa dibina dan sementara itu Kerajaan patut membinakan kemudahan-kemudahan asas.

Rancangan Malaysia Ketiga dijangka akan membina lebih kurang 280,000 yunit rumah pangsa tetapi separuh masa telah berlalu setakat ini dan hanya 84,000 yunit telah siap dibina. Jika mengikut kadar ini hanya 150,000 yunit akan dapat dibina dalam tahun 1980 dan ini ialah 120,000 yunit kurang daripada matlamat rancangan.

Negeri-negeri jiran seperti Singapura dan Hong Kong telah dapat mengatasi masalah mereka dengan sempurna. Kita ada tenaga manusia, wang, tanah dan kebolehan tetapi kekurangan organisasi dan perancangan. Kementerian Perumahan patut sedar akan kelemahan ini dan patut melancarkan rancangan perumahan secara besar-besaran dengan membina rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah murah supaya setinggan-setinggan dapat tinggal dalam rumah yang lebih selesa. Masalah ini adalah lebih serius dalam kawasan ibu negara dan pembinaan rumah pangsa bertingkat adalah jawapan kepadanya.

Dewan Bandaraya patut juga sedar dan mestilah melancarkan rancangan rumah pangsa secara besar-besaran. Kadar kemajuan sekarang amat tidak memuaskan kerana pembinaan rumah pangsa tidak setanding dengan keperluan untuknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) The next item I would like to speak about is illicit samsu, Tuan Yang di-Pertua. Consumption of illicit samsu is still a social problem. This is prevalent among Indian estate workers and Indians in urban areas within the poverty group. To eradicate samsu, the Law Reform (Illicit Samsu) Act was brought about two years ago. The Police are doing their best to catch the moonshiners and with some success in certain areas. I would urge the Police to keep the pressure on the moonshiners continuously. It is an accepted fact that samsu is harmful and dangerous to health. The population should be educated as to the health hazards of consuming samsu. Radio and television should be used from time to time to remind the public as to the danger and encourage people to come forward to give information to the Police as to the sale of illicit samsu. I urge the Ministry of Information to chart out a regular campaign to eradicate samsu.

It is said prevention is better than cure. As long as there are people to drink samsu, the moonshiners would be there. The habit of drinking samsu is somewhat akin to taking dadah. One becomes addicted to samsu similar to dadah. In view of this, I would urge the Government to consider giving treatment to samsu addicts similar to dadah addicts so that they would get away from this habit.

Sir, lastly, I would like to say something on the tinted glass which is one of the hot subjects today. The newspapers are every day coming out with various different statements on this, but I am not going into the depth of it. However, I would like to say one or two things in respect of this law, particularly in respect of the tinted glass in factory fitted vehicles. At the time when the vehicles were brought into operation, it was legal and proper but from 15th April, 1978 I believe it has been illegal. In my view this may be contrary to the provisions of the Constitution; and it is possible that the affected people can claim damages from the Government.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong penuh Usul yang dibahaskan sekarang di Dewan yang mulia ini.

5.52 ptg.

**Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin untuk mempersembahkan ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen pada 20hb Mac, 1978.

Di dalam ucapan saya yang terhad pada hari ini saya hanyalah sempat menyentuh di dalam beberapa perkara sahaja tetapi jikalau Tuan Yang di-Pertua mengizinkan, saya akan menyentuh beberapa perkara lagi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama di dalam Dasar Ekonomi Baru. Sebagaimana yang kita tahu Kerajaan mahu pencapaian bumiputra di dalam sektor perdagangan dan perindustrian sekurang-kurangnya 30% selewat-lewatnya pada tahun 1990. Dengan sebab itulah Kerajaan menggalakkan kesemua pihak yang bertanggungjawab di dalam negara ini supaya memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk mencapai tujuan tersebut. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak sedikit penyelewengan-penyelewengan dan halangan-halangan yang telah berlaku di dalam melaksanakan dasar yang sangat baik dan menfaat itu.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ismail Ali di dalam sidang akhbarinya pada 30hb Mac telah memberitahu yang beliau masih tidak puashati dengan kadar bantuan pinjaman yang diberikan oleh bank-bank perdagangan untuk memajukan bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Lalu beliau berharap pihak bank-bank yang tersebut akan meninggikan bantuan mereka itu hingga mencapai 20% memenuhi keperluan minima yang telah dicadangkan.

Di dalam soal rumah murah, Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan pembangunan rumah-rumah murah untuk orang-orang yang berpendapatan rendah seluruh negara banyak sekali penyelewengan telah didapati. Ada pihak pemaju rumah murah itu yang mengenakan kos yang mahal kepada rumah yang dikatakan murah dan beberapa banyak pula di antara rumah-rumah murah itu yang telah terlepas ke tangan orang-orang yang bukan berpendapatan rendah. Itulah sebabnya barangkali banyak orang-orang yang berpendapatan rendah itu mendirikan rumah-rumah setingan di merata-rata bandar.

Di dalam bandar Kuala Lumpur telah berlaku sandiwara rumah-rumah setinggan. Menurut Pengarah Perumahan Bandaraya, Cik Khuzaimah Haji Yunus ada sebanyak 29,300 buah rumah setinggan di Kuala Lumpur yang didiami oleh seramai 176,000 orang iaitu merupakan 1/5 daripada jumlah penduduk di Wilayah Persekutuan.

Saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan kepada lesen-lesen teksi pula. Tuan Yang di-Pertua, satu daripada Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ialah hendak membantu bumiputra di dalam sektor pengangkutan dan teksi supaya mereka mendapat tidak kurang daripada separuh apa yang didapati oleh lain-lain kaum. Tetapi yang anehnya walaupun Malaysia telah merdeka 22 tahun permit-permit teksi, lori dan bas yang dikeluarkan kepada bumiputra masih jauh daripada mencapai matlamat yang tersebut.

Di dalam soal pelajaran lebih-lebih lagi pelajaran agama, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Pengarah Pelajaran Negeri Perak mendedahkan bahawa 50% daripada murid-murid sekolah menengah dan 25% daripada murid-murid sekolah rendah yang beragama Islam di seluruh negeri Perak tidak tahu sembahyang dan tidak lancar membaca Fatihah. Saya tidaklah hendak menuduh bahawa ini adalah satu penyelewengan tetapi pada pendapat saya ini menunjukkan sistem persekolahan yang tidak betul dan mesti dikaji semula.

Saya percaya kegagalan murid-murid Islam yang dikatakan oleh Pengarah Pelajaran Negeri Perak itu bukan sahaja berlaku di negeri Perak bahkan di seluruh Malaysia kalau dibuat analisa. Tidakkah satu perkara yang menakjubkan anak-anak kita yang mempelajari agama Islam selama 6 tahun di sekolah rendah, 5 tahun di sekolah menengah yang berjumlah semuanya 11 tahun tiba-tiba tidak tahu hendak sembahyang dan tidak lancar membaca Fatihah? Apakah jenis pelajaran agama yang mereka pelajari selama 11 tahun itu?

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru agama yang mengajar di Sekolah Kebangsaan dan Jenis Kebangsaan telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran dan tidaklah lagi bertanggungjawab kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di negeri masing-masing. Menurut apa yang diberitahu kepada saya, guru-guru agama ini sekarang bukan lagi tugasnya mengajar agama semata-mata

tetapi bertugas mengajar lain-lain mata pelajaran juga seperti Ilmu Hisab, Sejarah, Ilmu Alam dan lain-lain. Kalau benar apa yang diberitakan itu, saya bimbang nanti ada di antara guru-guru agama itu yang cuai mengajar agama tetapi mementingkan pelajaran yang lain. Akhirnya menyebabkan kegagalan murid-murid Islam di dalam pelajaran agama.

Saya berpendapat sistem persekolahan agama sebagaimana yang dijalankan di negeri Johor adalah baik dan wajar iaitu di samping pelajaran agama yang diajar di Sekolah-sekolah Kebangsaan oleh Kementerian Pelajaran di sebelah pagi itu maka pihak Kerajaan Negeri pula menerusi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam membuka kelas-kelas agama di sebelah petang di sekolah yang tersebut bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang hendak mempelajari agama secara detil dan mendalam. Saya harap Kerajaan-kerajaan Negeri mengulangkaji semula langkah membuka balik kelas-kelas agama sebelah petang sebagaimana yang dijalankan di negeri Johor.

Berhubung satu masalah yang menyentuh kepada orang-orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah berkhatan ataupun bersunat. Menyentuh perkara berkhatan ini saya berpendapat sudah sampailah masanya pihak hospital dan klinik-klinik Kerajaan memikul tugas yang tersebut kerana berkhatan adalah masalah nasional kepada orang-orang Melayu. Maka sangatlah tidak patut perkara ini dibiarkan sahaja kepada mudim-mudim kampung memainkan peranannya. Di zaman moden ini ada setengah-setengah mudim telah memodenkan pula pekerjaan itu dengan cara menyuntik atau memberi injection kepada kanak-kanak yang hendak dikhatan itu. Oleh kerana mereka menjalankan kerja itu tidak dengan asas pelajaran maka ada kalanya injection itu mendatangkan malapetaka kepada kanak-kanak itu hingga terpaksa mendapat rawatan doktor pula. Dengan sebab itu, saya cadangkan supaya perkara berkhatan atau bersunat itu hendaklah menjadi tanggungjawab doktor-doktor di hospital-hospital dan tanggungjawab jururawat lelaki yang berkelayakan di klinik-klinik Kerajaan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh dalam perkara membasmi penyakit. Memang adalah menjadi kewajipan Kerajaan kita dan kewajipan tiap-tiap

Kerajaan di seluruh muka bumi ini memerangi tiga perkara iaitu kejahilan, kemiskinan dan penyakit.

Berhubung dengan kejahilan, saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana masa yang diberi kepada saya hanya 15 minit, sedangkan perkara ini penting dan saya percaya tentang memerangi kejahilan ini tentulah Kerajaan telah berjaya dengan mendirikan sekolah-sekolah di seluruh negara dan mendirikan universiti-universiti. Begitu juga tentang membasmi kemiskinan, Kerajaan telah menjalankan Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan sekarang ini Rancangan Malaysia Ketiga. Tetapi di dalam membasmi penyakit saya nampak hal ini sangat-sangat tidak memuaskan. Usaha Kerajaan mendirikan hospital-hospital dan klinik-klinik suatu perkara yang patut dipuji. Tetapi hospital dan klinik ialah untuk mengubati penyakit dan bukan untuk mencegah penyakit. Usaha Kerajaan untuk membasmi punca-punca penyakit sangatlah tidak memuaskan lebih-lebih lagi di kampung-kampung daripada bandar-bandar membawalah ke kampung-kampung pedalaman.

Di Pantai Timur khususnya di bandar-bandar seperti Kuala Trengganu, Kota Bharu dan lain-lain kampung orang Melayu yang terletak di dalam bandar sangat-sangat kekurangan kemudahan yang berhubung dengan kesihatan umum. Najis-najis kurang dikawal, longkang masih banyak tidak diadakan oleh Majlis Perbandaran, begitu juga parit-parit untuk menyalurkan air-air kotor atau air longkang yang melimpah di jalan dan di lorong-lorong yang sempit, Kesemua ini menjadi punca yang membawa kepada penyakit.

Di kampung-kampung pedalaman pula kebiasaannya penduduk-penduduk membuang air besar di tepi sungai, di dalam semak, di dalam belukar masih berleluasa hingga sekarang. Walaupun ada diberi subsidi untuk membuat telaga percuma di dalam kampung-kampung tetapi subsidi tidaklah menyeluruh dan sebahagian besar daripada penduduk-penduduk kampung di pedalaman masih menggunakan air sungai dan paya untuk keperluan mereka. Di musim hujan sungai-sungai dan paya-paya itu akan dipenuhi dengan kekotoran yang membawa berbagai-bagai penyakit dengan airnya yang keruh dan berlumpur. Maka menerusi sungai-sungai dan paya-paya yang kotor inilah orang-orang kampung itu akan mandi-manda

dan minum airnya. Oleh yang demikian, tidaklah hairan jika Lapuran Kesihatan yang dikeluarkan, menyatakan bahawa kebanyakan penduduk-penduduk kampung itu berisi cacing di dalam perutnya dan berpenyakit. Apakala penyakit seperti taun muncul atau menjelma, maka baharulah Kerajaan mengeluarkan wang bermillion-million ringgit untuk membasmikannya, dan seluruh tenaga kesihatan pun akan dikerah untuk mencegah daripada merebaknya penyakit itu.

Sepatutnya tanggungjawab membasmi punca-punca penyakit seperti membuat longkang dan parit di kampung-kampung di dalam bandar dan menggali telaga serta kemudahan-kemudahan tandas di kampung-kampung di luar bandar hendaklah menjadi tanggungjawab Kerajaan Federal bukannya tanggungjawab Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi negeri yang lemah kewangannya.

Di manakah wajarnya untuk menjaga kepentingan kampung-kampung baharu bahawa Kerajaan Federal memikul tanggungjawab sepenuhnya dari segi kewangan manakala untuk menjaga kepentingan kampung-kampung lama bumiputra maka tanggungjawabnya terletak di atas bahu Kerajaan Negeri sahaja. Sekiranya Kerajaan Pusat mahu meletakkan tanggungjawab itu semata-mata ke atas Kerajaan Negeri, pada pendapat saya selama itulah Rancangan Kesihatan di bandar-bandar dan kampung-kampung di Pantai Timur tidak dapat diatasi dengan jayanya. Dan selama itulah kesihatan bumiputra terancam dengan berbagai-bagai penyakit yang merbahaya dan berjangkit.

Bolehkah saya meneruskan lagi ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** 2 minit sahaja lagi.

**Tuan Haji Mahmoud Sallim bin Haji Mohamad:** Saya suka menimbulkan sedikit berkenaan dengan tambang Haji ke Mekah. Sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum dari saya iaitu tambang Haji ke Mekah pada tahun lepas dan tahun ini terlampau mahal iaitu \$4,000 lebih dan menurut apa yang dihebohkan iaitu tambang kapal terbang \$1,800. Perkara yang seumpama ini, kalau sekiranya Kerajaan kita betul-betul hendak menolong orang-orang yang pergi Haji ke Mekah, sepatutnya perkara-perkara ini dapat dibuat analisa yang mendalam dan diberi pertolongan dengan secukupnya.

Saya tidaklah dapat faham kalau sekiranya tambang kapal terbang daripada England ke Malaysia ini \$1,600 sahaja, kenapa tambang untuk pergi menunaikan haji ke Mekah sampai \$1,800? Dengan sebab itu kita dapati tiap-tiap tahun walaupun Kerajaan mengadakan kawalan yang ketat terhadap orang-orang yang hendak pergi ke Mekah tidak boleh pergi melainkan melalui Tabung Haji tetapi pada tahun lepas menurut banciaannya, seperti yang tersiar dalam akhbar menyatakan beratus-ratus orang daripada Kelantan telah menunaikan fardhu haji menerusi negeri Siam dan ada pula di negeri lain seperti Trengganu bakal-bakal haji itu pergi ke Mekah melalui Singapura, tidak melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Ini disebabkan mereka itu dapati pergi ke Mekah menerusi syarikat-syarikat swasta ini adalah mengurangkan belanja.

Dengan sebab itu saya fikir tujuan diadakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini ialah menolong orang-orang yang hendak pergi ke Mekah. Maka janganlah adanya perkara-perkara yang seumpama itu yang boleh menjadi buah mulut atau bahan pertuturan jemaah haji iaitu yang dikatakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini hendak mengambil untung.

Saya harap pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendaklah betul-betul membuat kajian dan menjawab segala tuduhan-tuduhan yang dilimparkan dan saya harap pada tahun ini dan seterusnya tidak ada lagi orang Melayu yang akan menunaikan fardhu haji menerusi negeri Siam, Singapura dan sebagainya.

Berhubung dengan orang-orang pelarian Vietnam, adalah malang bagi negeri Trengganu yang saya wakili ini, menjadi tumpuan orang-orang pelarian Vietnam, boleh dikatakan tiap-tiap minggu, walaupun tidak tiap-tiap hari, mereka itu datang. Saya tidak tahu apakah sebabnya mereka itu menuju ke negeri Trengganu. Apakala sampai sahaja di pantai negeri Trengganu, ataupun di muaranya, mereka itu menenggelamkan motobot yang mereka naik, dengan cara itu dapatlah mereka itu mendarat. Kalau tidak mereka itu akan dihalau ke laut. Maka berdasarkan peri kemanusiaan, mereka itu dibawa ke darat dan diletakkan di bawah kawalan rapi serta diserahkan kepada pihak Bangsa-bangsa Bersatu, sebagaimana yang sepatutnya.

Sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat Tan Sri Haji Muhammad Ghazali Shafie, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita, Vietnam sekarang ini tidak lagi negeri yang berperang. Jadi apa gunanya pelarian itu melarikan diri. Ini semata-mata mencari kesempatan sahaja. Tidakkah boleh pelarian Vietnam itu apabila mereka lari ke negeri kita, maka kita hantar balik ataupun kita minta Kerajaannya ambil mereka balik. Kalau sekiranya kita buat dua tiga kali begitu berhubung dengannya lebih-lebih lagi Vietnam sekarang termasuk di dalam kawasan ASEAN. Jika dua tiga kali kita buat begitu, saya fikir tidak ada lagi pelarian Vietnam itu yang akan datang kemari kerana apakala Kerajaannya ambil balik, maka sudah tentulah mereka itu akan dikenakan hukuman dan sebagainya dan seperti kata orang Trengganu "serek" dan mereka itu tidak akan datang lagi. Tetapi perbuatan negara kita seperti di hari ini adalah seumpama menjemput mereka itu datang kemari seperti kata pepatah: "kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan". Maka mereka itu berduyun-duyun datang ke pantai negeri kita Malaysia ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

6.10 ptg.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih dan menjunjung kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn kerana membawa Malaysia kita maju, aman, makmur sebagai yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak menyentuh dasar Kerajaan, bercakap berkenaan Kementerian Luar Negeri, Menteri-menteri serta masalah sensitif dan Rukunegara. Saya sebagai mewakili negeri Perak ingin mengemukakan dahulu lima perkara yang diharap mendapat perhatian Kerajaan Pusat.

Pertama, memohon Kerajaan menimbang dan membesarkan Makmal Bahasa, Kolej Melayu dengan perbelanjaan \$500,000 bagi mengenangi di Kolej inilah menelorkan pemimpin-pemimpin ulung Malaysia di antaranya Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, bapa

pemimpin kita yang tidak asing lagi, Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil iaitu bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan termasuk juga Almarhum Raja Sir Chulan seorang pembesar yang ulung dalam Malaysia ini. Dengan sebab itu saya memohon Makmal Bahasa dipertingkatkan di Kolej Melayu yang bersejarah itu dibesarkan hanya dengan anggaran belanja \$500,000.

Kedua, memohon pihak UDA ataupun pihak-pihak yang berkenaan di pusat ini cuba mendirikan seberapa cepat satu bangunan 17 tingkat secara moden di ibu negeri Perak iaitu bandar Ipoh yang tapaknya telah sedia ada bertempat di taman kanak-kanak di bandar tersebut, bagi menambahkan peluang bumiputra di bidang perniagaan dan perusahan yang bersesuaian dengan negeri utama mengeluarkan hasil bijih timah, getah, kayu di Malaysia ini yang memperkenalkan negeri kita ke seluruh dunia.

Ketiga, Politeknik Ungku Umar di Perak hendaklah dibesarkan dan disesuaikan sebagai cabang Universiti Sains bagi menampung dan membesarkan gedung persekolahan sains dan teknologi yang amat penting bagi negara kita.

Keempat, menggantikan segera Hospital Perempuan Kuala Kangsar yang sangat tua dan tidak bersesuaian bagi penduduk-penduduk yang berjumlah lebih kurang 50,000 orang.

Kelima, membuka satu perusahaan industri di Padang Rengas dan sekurang-kurangnya mengadakan seberapa segera bangunan kedai MARA bagi digunakan oleh penduduk tempatan di sana untuk usaha-usaha kecil di lapangan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sedikit ke arah pemerintahan kita, terutama di Kementerian Luar Negeri (Foreign Affairs).

Pertama, kita amat bangga dengan Declaration Kuala Lumpur yang mengatakan kita bersikap bebas, aman dan berkecuali. Kita masyhurkan ini ke seluruh dunia sebagai sebuah negara yang aman, makmur dan berkecuali dan kita meminta simpati kepada seluruh negara-negara di Bangsa-bangsa Bersatu bahawa Malaysia adalah berpendirian bebas, berkecuali, aman dan damai. Ini adalah satu kebanggaan detik-detik tanahair kita yang bersejarah yang diakui oleh

orang-orang atau negeri-negeri yang benar-benar demokrasi dalam dunia ini kecuali negeri-negeri yang mengatakan kita berdasarkan begini dikatakan ada lain tujuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri Luar Negeri kita kerana dasar menentang penjajah Israel terhadap negeri Arab. Dasar luar negeri kita ini harus dipuji dan dijalankan oleh Menteri Luar Negeri kita dengan sungguh-sungguh tidak dengan kata sahaja menyokong, tetapi harus kita sokong dengan material, kalau perlu dengan tentera sukarela, kita tegakkan negara Islam yang telah diceroboh oleh Israel sebagaimana dunia semua faham.

Kedua, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan apa yang telah dibuat oleh Kedutaan kita di India. Kalaulah benar seorang diplomat kita itu ada melakukan sindiket yang boleh merosakkan imej tanahair kita, diplomat yang semacam itu harus dihukum dengan peraturan undang-undang negeri kita dan kalau benar pihak yang berkuasa yang telah merampas paspot Duta Besar kita pada masa beliau balik ke tanahair kita itu hendaklah kita hukum pegawai yang berkenaan sebab itu adalah melanggar tata tertib negara kita sendiri terhadap seorang diplomat yang berjasa dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, di masa Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pada tahun 1974, beliau telah menguatkan lagi tali perhubungan kita dengan bangsa-bangsa di dunia iaitu termasuk beliau telah melangkah kakinya ke Republik Rakyat China. Pada masa ada orang menegur dan mengatakan salah faham, tetapi bapa pemimpin kita tegas, menunjukkan kepada dunia kita bukan pro-Barat atau pro mana-mana, kita menghormati semua, sebab itu beliau pergi ke Republik Rakyat China dan dengan tegas berjumpa dengan Mao-Tze Tung. Kita adalah negara yang tegas, aman, makmur dan berkecuali, tidak blok siapa-siapa. Tetapi malangnya pada tahun 1975 penganas-penganas telah bermaharajalela, Tugu di Kuala Lumpur dibom dan anggota-anggota polis yang menjaga keamanan kita telah gugur. Pihak yang berkenaan yang mentadbirkan negeri kita adalah diingatkan atas gejala-gejala ini dan harus diambil ingatan, janganlah di sangka air yang tenang tiada buaya. Sebab itu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri saya memperingatkan walaupun semalam saya telah

menyoal Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kita perlu membesarkan pasukan keselamatan negara kita, tetapi beliau menjawab secara tidak langsung buat masa ini belum perlu. Tetapi beliau lupa kalau kita buka sejarah dunia negeri ini boleh hancur di masa kita tenang, di masa kita seronok, tidak ada apa-apa bahaya, di masa itulah gejala subversif yang menghancurkan negeri kita boleh membahayakan kita. Jadi saya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya menambahkan lagi anggota tentera, dilatih sukarelawan di kampung-kampung seluruh tanahair kita bagi membantu menjaga keamanan dan sambil memberi tanggungjawab kepada anak negeri menjaga negeri kita dalam ertikata yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi kepujian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah menunjukkan beliau tegas di United Nations di sana memperkatakan pendirian Malaysia terhadap dunia, terhadap maruah yang tinggi kepada Bangsa-bangsa Bersatu itu. Dan dia menyebutkan polisi dalam negeri dan luar negeri dengan tegas dan jujur. Begitu juga beliau telah membawa negara-negara dengan tegas dan jujur. Begitu juga beliau telah membawa negara-negara Komenwel dan negara-negara Islam selain dari Asian dan beliau telah pergi ke Australia.

Saya di sini menarik perhatian tentang lawatan dua orang Perdana Menteri kita ke Australia yang telah dinodai. Belum ada satu negeri dalam dunia yang mereka lawati berlaku seperti di Australia itu. Rakyat Malaysia tidak membenarkan perkara ini dan tidak berdiam diri, seluruh rakyat adalah bersatu di bawah pimpinan kedua-dua pemimpin termasuk Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan Perdana Menteri kita Datuk Hussein Onn. Di dalam lawatan itu telah menunjukkan gejala-gejala yang seolah-olah menjatuhkan imej kedua Perdana Menteri kita. Mereka lupa Perdana Menteri yang kita hantarkan ke sana adalah didokong oleh rakyat seluruhnya, kita ada di belakang Perdana Menteri kita. Kepada mereka yang cuba menjatuhkan imej Perdana Menteri kita serupa juga cuba menjatuhkan maruah kepada seluruh rakyat tanahair kita, sebab itu Dewan ini adalah rasa saya perlu mencatatkan yang kita amat kesal kepada apa yang berlaku di Australia dan lebih kesal kepada Duta yang kita pertanggungjawabkan di Australia. Menteri Luar Negeri harus

mengambil ingatan sepatutnya tiga bulan sebelum Perdana Menteri kita melawat ke sana Duta kita mesti membuat semua persiapan dan sebagai seorang diplomatik terutamanya hendaklah menjaga keselamatan Perdana Menteri kita dalam semua bidang. Oleh sebab itu hendaklah pada masa hadapan ini Duta kita, di seluruh dunia ini harus diberi kursus yang nyata sebagai ahli diplomatik yang ulung, jangan lagi terjadi seperti di Australia.

Saya mengusulkan juga bagi kebaikan Malaysia di mata dunia luar kita harus melantik Jawatankuasa Penyelarasan bagi diplomatik kita dan perkara-perkara yang berhubung dengan luar negeri. Saya cadangkan ianya diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir, Tan Sri Ghazali Shafie, Encik Ghafar Baba, Datuk Musa Hitam, Tengku Tan Sri Razaleigh, selain daripada Menteri Luar Negeri kita, Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen. Mereka ini akan mengkaji dan membuat satu sistem yang baik bagi diplomat-diplomat kita di luar negeri dan bagi menjaga imej kita dari semasa ke semasa Malaysia di mata dunia.

Yang akhirnya, Tuan Yeng di-Pertua, oleh sebab ada saudara-saudara kita mengatakan "sekian", yang sebenarnya ada dua orang yang Berhormat Senator menghantar note untuk saya bercakap tetapi masa tidak ada dan saya mengusulkan pada masa yang akan datang tidak pandang kasih dalam Senate, tidak ada siapa seniority dan siapa junior dalam Senate ini. Masa ke hadapan ini patut jugalah siapa sahaja pun boleh bercakap dahulu dan siapa juga boleh bercakap kemudian. Tidaklah kita selalu mendahulukan, misalnya, Yang Berhormat Raja Dato' Nong Chik, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad ataupun Datuk Haji Abdul Razak, sebenarnya kita sama. Maaf saya tidak menyentuh peribadi Yang Berhormat-Yang Berhormat itu, hanya sebagai contoh atau misalan sahaja.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tolong duduk sekejap.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua dan Timbalannya sangat adil, jadi tidak ada keistimewaan, tidak ada kelas-kelas dalam Dewan Negara ini bahkan orang yang dahulu bercakap itu dia menolong orang yang kemudian. Orang

yang kemudian ini dia tidak ada modal masa itu, jadi kita kena tolong dahulu satu dua hari, selepas itu kita beri peluang kepada dia. Itu usaha kami.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** (*Kepada Tuan Ibrahim bin Abdullah*) Sila duduk, sebelum saya minta jangan diganggu. Pendapat macam itu tidak patut ditimbulkan, itu tidak hormat kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini. Saya ingatkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sila lanjutkan.

**Tuan Ibrahim bin Abdullah:** Saya tarik balik perkataan itu tadi, sebab menghormati Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya hormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ringkaskan saya minta maaf kepada dua Senator yang minta suarakan di sini, saya tidak dapat majukan di sini. Saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan Rukunegara. Sahabat saya Datuk Seri Hussein Noordin telah menegur hari itu, saya rasa saya juga bertanggungjawab menegur. Sebagai seorang rakyat bumiputra, saya tidak akan membenarkan sensitif ini berlaku sewenang-wenangnya oleh Sanator-senator yang bukan bumiputra. Saya menyebut ini bukanlah rasa benci ataupun rasa tidak memandangi kasih, yang sebenarnya saya rasa kasih. Seluruh kita adalah rakyat Malaysia yang berlambang mahu bersatu padu, mahu rasa muhibbah (goodwill) yang baik dalam semua perkara dan bidang-bidang akan datang tetapi seperti kata pepatah Melayu kadang-kadang orang yang semacam ini beri betis hendak peha, ataupun beri dia dalam bilik, dia hendak masuk dalam kelambu pula ataupun yang seumpama macam itu. Harus kita beritahu hal-hal semacam ini supaya tidak berlaku apa-apa lagi demi menghormati Perlembagaan dan Rukunegara kita. Tuan Yang di-Pertua adalah berhak menahannya dan Menteri Undang-undang adalah berhak walau Ahli Dewan ini juga menyentuh soal sensitif bangsa terutama bumiputra ini telah dikanunkan dalam Perlembagaan, ia boleh ditekan dari segi undang-undang, tidak kira siapa samada Senator mahupun Menteri sendiri. Saya harap perkara itu tidak bangkit lagi.

Dalam Dewan dahulu saya sudah menyebutkan perkara ini. Saya sudah sebutkan: lihat saya kata, bandar daripada Johor

Bahru, Kuala Lumpur, Seremban, Taiping, Ipoh, Pulau Pinang adakah bandar bumiputra? Lihat orang yang bekerja dalam bandar-bandar Ibukota ini mana ada bumiputra, mana ada kantor bumiputra. Lihat rakyat negeri ini yang sudah diberi kepada semua bangsa negeri ini yang mengaku taat setia diberi kepada rakyat tidak ada satu negeri dalam dunia yang macam ini murah hati, yang begini demokrasi diberi kepada mereka. Lihat dalam pertumbuhan negara kita sekarang dalam gedung-gedung perniagaan, dalam gedung-gedung swasta, siapa yang jadi tuan besar? Bangsa saya—bumiputera jadi kuli dan hamba dalam tempat itu. Ini juga dibangkitkan lagi di Dewan ini, saya ada catitkan kata-kata yang macam ini sangatlah menyinggung. Katanya: biasiswa Persekutuan dan Negeri, perkhidmatan awam, lesen dan permit, peluang pekerjaan, pelajaran, tender-tender Kerajaan dan sebagainya. Semua diungkitkan sedangkan apa yang sebenarnya saya cabar dia menafikan ini. Sebut sahaja diberi kepada bumiputra, yang sebenarnya ada kalanya keuntungan 80% pulang kepada yang bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, saya harus menyebutkan dalam Dewan ini lagi, saya harap sahabat saya Yang Berhormat Senator-senator yang mulia termasuk Menteri-menteri juga supaya perkara ini apa yang kita sudah kanunkan dalam Perlembagaan adalah sebagai satu kehormatan yang tidak harus diusik lagi. Ingatlah pepatah orang kita: jangan cuba diusik sarang tebuan, kalau diusik, dia akan keluar, saya tak tahu apa akan jadi. Sebagaimana kata Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin itu betul. Diulang balik peristiwa berdarah dalam tanahair kita ini, ulang balik peristiwa 13 Mei apa akan jadi. Jangan lagi datang peristiwa berdarah 13 Mei di negara kita ini, jangan lagi kita sedekahkan kepada keturunan kita, jenerasi kita hadiah persengketaan dan permusuhan yang merosakkan negara kita. Penat sahaja Yang Amat Berhormat Datuk Hussein, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin kita dalam negeri ini mengatakan perpaduan, kasih sayang, aman, hormat-menghormati tetapi apa yang telah jadi dalam Dewan yang mulia ini juga, pada hal tempat ini menjadi contoh, Dewan yang paling tinggi dalam negeri kita ini menjadi cermin kepada seluruh rakyat negeri ini, dalam Dewan ini masih mengungkitkan lagi.

Ini satu perkara yang sangat tidak patut, tidak mengenang budi. Yang sebenarnya itu bayang-bayang perabot di muzium. Muzium orang tetapi bukan orang; ular besar tetapi bukan ular, ular sudah mati. Kita tidak mahu hidup dalam negara yang bersatu ini yang sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menuju Malaysia yang bersatu, Malaysia yang mencerminkan kemuliaan dan peribadi watak yang indah muluk, mudah-mudahan timbul dalam negara kita. Kasih sayang kita kepada seluruh pemimpin-pemimpin dan Senator-senator, maafkanlah kalau saya bercakap ini caranya kasar, tetapi penuh ikhlas, jujur dan kasih sayang. Apa tujuan dalam Perlembagaan negara kita ini sama-sama kita ikut, mudah-mudahan janganlah seperti kata syair:

Tutur kata gambaran hati,  
Budi bahasa bayangan iman;  
Itulah ukuran semula jadi  
Untuk menguji kebatinan iman.

6.30 ptg.

**Puan Zawiah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bermurah hati memberi saya peluang turut sama dalam perbahasan membahaskan Titah Ucapan pada petang ini. Dengan ini saya memberi sokongan penuh di atas Titah Ucapan yang telah menyentuh di dalam berbagai-bagai aspek yang telah membawa kepada kemajuan dan pembangunan yang pesat di dalam negara kita ini. Oleh kerana masa yang telah dihadkan kepada kami, jadi saya dengan seberapa ringkas akan menyentuh sedikit sebanyak di dalam beberapa Kementerian.

Pertama, Kementerian Pelajaran mengenai pemilihan untuk kemasukan ke maktab-maktab perguruan yang mana pemohon yang memegang Sijil H.S.C. atau S.T.P. boleh dikatakan kurang diberi perhatian, sedangkan penuntut-penuntut ini telah tidak berpeluang untuk memasuki ke universiti-universiti kerana beberapa sebab. Jadi, saya ingin tahu di manakah mereka ini akan pergi sedangkan mereka ini mempunyai minat yang besar untuk menjadi seorang pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penuntut yang mendapat pangkat 3 dalam aliran Sains kerana pada tahun yang lepas penuntut-penuntut ini telah diberi peluang untuk mengulang sekali lagi, tetapi pada tahun ini pe-

luang yang seumpama itu tidak lagi diberi. Dengan ini, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan kalau satu-satu perkara yang hendak dibuat atau hendak dijalankan hendaklah dikaji dengan sedalam-dalamnya kerana janganlah jadi sebagaimana pada hari ini, pada tahun 1977 diberi peluang tetapi tahun 1978 tidak diberi peluang. Ini adalah menjadi satu perkara atau bebanan kepada ibubapa yang menjadi serba salah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah Kementerian Pelajaran juga iaitu mengenai permohonan untuk memasuki ke universiti yang mana Sijil H.S.C. atau S.T.P. kenapa dihadkan kepada dua tahun sahaja untuk membuat permohonan untuk memasuki ke universiti-universiti. Jadi, apabila cukup dua tahun mereka ini akan terpaksa mengambil peperiksaan semula dan tidakkah ini akan membebaskan ibubapa terutama orang-orang yang miskin yang duduk di pendalaman kerana mereka itu juga ingin melihat anak-anaknya pergi ke universiti-universiti. Padahal setahu saya tiap-tiap sijil atau kelulusan yang telah disahkan kelulusannya boleh digunakan pada bila-bila masa untuk mendapatkan pekerjaan, kenaikan pangkat ataupun kenaikan gaji dan sebagainya. Dengan ini, saya mengesyorkan kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya dihapuskan had masa sebagaimana yang berlaku sekarang. Ini adalah untuk memberi peluang kepada orang-orang luar bandar yang tidak mampu membayar peperiksaan pada tiap-tiap dua tahun sekali yang ingin bersama-sama memasuki ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih perhatian saya kepada Kementerian Pertahanan di dalam masalah pembayaran pencen dan tunggakan kepada kakitangan yang telah bersara. Ada yang bersara pada 1hb Januari, 1976 sehingga kepada hari ini belum lagi menerima apa-apa pembayaran. Jadi, dengan kelewatan yang begitu lama ini akan menyusahkan kepada bekas-bekas tentera yang bersara kerana beliau ini juga hendak menyarakan anak dan isteri mereka. Dengan ini, saya berharap kepada pihak Kementerian-kementerian yang lain supaya janganlah berlaku lagi kelewatan-kelewatan yang seumpama ini kerana ini akan membebaskan mereka ini.

Saya pergi pula kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu berkenaan pengambilan Kad Pengenalan bagi kanak-kanak yang lewat umur. Untuk mendapatkan Kad Pengenalan ini memakan masa yang begitu

lama, sampai dua tiga tahun belum lagi dapat diproseskan, pada hal segala keterangan-keterangan telahpun diberi oleh pihak-pihak yang dikehendaki untuk mengesahkan kanak-kanak ini disebabkan kelewatan umurnya terutama oleh Ketua Kampung, Wakil Rakyat ataupun orang-orang kampung yang mengetahui latarbelakangnya dengan rapat. Setelah saya membuat pertanyaan di Jabatan Pendaftaran di negeri, beliau telah mengatakan bahawa pihaknya telahpun menghantar ke Ibu Pejabat Pendaftaran di Petaling Jaya. Saya ingin tahu di manakah sebab yang menjadikan kelewatan ini dan saya berharap pada pihak yang berkenaan supaya memberi perhatian yang berat dalam perkara ini kerana masalah Kad Pengenalan ini sangatlah penting sehingga ada kanak-kanak yang memohon untuk mendapat pekerjaan telah terlepas kerana apabila dipanggil untuk temuduga, maka satu daripada syarat dikehendaki membawa Kad Pengenalan. Terdapat juga kepada peserta-peserta yang hendak memohon untuk memasuki Rancangan-rancangan FELDA, mereka ini juga telah tertolak kerana tidak mempunyai Kad Pengenalan dan berbagai-bagai perkara yang berlaku kerana Kad Pengenalan ini menyusahkan terutama Wakil Rakyat dan juga saya sendiri pun mengalami perkara ini kerana apabila pergi berjalan, kalau ada pemeriksaan di jalan-jalan, mereka ini ditangkap dan kami juga yang pergi menjamin. Jadi, kalau ada perkara ini berlaku, saya rasa patutlah pihak yang berkenaan mengambil perhatian yang berat untuk memudahkan mendapat Kad Pengenalan ini.

Selain daripada itu, saya pergi kepada Kementerian Pertanian. Dalam masalah benih-benih kacang yang dibekalkan kepada petani-petani melalui persatuan peladang yang boleh dikatakan pada tahun ini banyak yang rosak dan tidak tumbuh. Dengan adanya kejadian yang seperti ini maka sudah tentu akan merugikan petani-petani dari segi tenaga, masa serta pendapatan dan saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan kalau hendak membekalkan benih-benih kepada petani-petani hendaklah mengadakan percubaan terlebih dahulu sebelum membekalkan kepada petani-petani ini supaya perkara ini tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perhatian juga iaitu saya ingin menyentuh mengenai pemeliharaan ulat sutera. Saya ingin tahu berapa lamakah masih di dalam kajian?

Kenapakah tidak diadakan pemeliharaan secara besar-besaran untuk menjadikan satu punca hasil di dalam negara kita Malaysia kerana setelah saya mendengar penerangan-penerangan daripada pihak-pihak yang berkenaan dalam kajiannya, maka negara kita Malaysia ini terutama di negeri Trengganu sangatlah sesuai untuk dijadikan pemeliharaan ulat sutera, tetapi sehingga hari ini masih lagi dalam kajian dan percubaan. sampai bilakah di dalam percubaan?

Dengan ini saya memberi sokongan penuh di atas cadangan usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Tan Sri Jeneral Haji Abdul Hamid bin Bidin pada 17hb April, 1978.

6.39 ptg.

**Tuan Choo Ching Hwa:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul mempersembahkan ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong di Pembukaan Parlimen pada 20hb Mac, 1978.

Saya ingin memberi sedikit sebanyak pendapat-pendapat saya berkenaan dengan Rancangan Pengajian Tinggi di negara kita. Sebenarnya, Rancangan Pengajian Tinggi bukan hanya akan mewujudkan peluang-peluang melanjutkan pelajaran tinggi kepada pelajar-pelajar kita, bahkan juga akan mengeluarkan graduan-graduan yang berkaliber dan berpengetahuan tinggi demi pembangunan negara kita.

Matlamat utama pelajaran adalah mencapai kedua-dua tujuan tersebut, jika bukan, pelajaran kita bolehlah dikatakan menghadapi kegagalan.

Pada masa ini, saya ingin membuat perbincangan dengan selanjutnya terhadap kedua-dua tujuan yang saya sebutkan tadi, yang pertama, membekalkan peluang-peluang atau pengajian tinggi mereka. Tidaklah dinafikan, Kerajaan kita telah membuat sesuatu dengan sedaya-upaya agar mencapai matlamat ini. Sebagaimana yang dikatakan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri kita, "pada sepuluh tahun yang lalu, kita hanya mempunyai sebuah universiti, pada masa sekarang, kita telah mempunyai sebanyak 10 buah universiti dan kolej. Walau bagaimanapun kita masih tidak dapat mengatasi semua permohonan-permohonan kemasukan universiti itu". Kenyataannya telah menunjukkan dengan terangnya bahawa masalah ini sangatlah serius dan mustahak. Dalam perkataan yang lain, Rancangan Pengajian

Tinggi yang sedang dilaksanakan memanglah sedikit sebanyak muncul kelemahan dan kepincangan.

Rancangan Pengajian Tinggi yang dilaksanakan ketika ini boleh mempengaruhi kejayaan atau kegagalan pembangunan negara kita.

Dengan jelasnya, keadaan ini telah menyebabkan sebanyak lebih kurang 20,000 pelajar-pelajar kita melanjutkan pengajian tinggi mereka di luar negeri. Saya ingin mengetahui kelakuan Kerajaan kita terhadap pelajar-pelajar itu? Sekurang-kurangnya, Kerajaan kita patut mengucapkan terima kasih kepada negara-negara asing itu yang telah menolong mengatasi kesusahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar itu. Walau bagaimanapun, hanya menunjukkan terima kasih tidak mencukupi, Kerajaan kita patut menimbang membekalkan mereka peluang-peluang pekerjaan supaya mereka dapat membuat sumbangan yang bernilai kepada pembangunan negara kita.

Jika bukan keadaan ini akan tidak bersejajaran dengan usaha-usaha yang diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kita yang menyeru negara-negara asing membekalkan lebih banyak peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar kita.

Saya berpendapat bahawa dasar-dasar Kerajaan terhadap kedudukan-kedudukan pelajar-pelajar kita yang meneruskan pelajaran tinggi mereka di luar negeri patut dipindahkan. Oleh kerana Kerajaan kita tidak mampu membekalkan peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar itu di universiti-universiti atau kolej-kolej tempatan; dan kedua, bila graduan-graduan itu balik dari negara-negara asing, sijil ijazah mereka mungkin tidak diperakui oleh Kerajaan kita. Keadaan ini bermakna bahawa Kerajaan kita bukan hanya gagal membekalkan peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi kepada mereka dan juga gagal memberi perhatian yang penuh kepada kedudukan-kedudukan sijil ijazah yang diperolehi di negara-negara asing itu.

Oleh sebab yang demikian, satu keadaan ganjil mungkin muncul, iaitu seorang warganegara asing yang mempunyai sijil yang diperakui oleh Kerajaan kita, diberi pekerjaan dalam sektor awam, tetapi, sebaliknya seorang warganegara Malaysia yang mempunyai sijil ijazah yang tidak diperakui,

gagal mendapat jawatan Kerajaan diri sendiri, sungguhpun beliau mungkin adalah seorang pakar.

Saya tidak tahu samada Kerajaan kita sedar adalah pakar-pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di sebuah negara jiran semasa negara kita sedang menghadapi kekurangan pakar-pakar. Lebih teruknya, Kerajaan kita lagi pula menghantarkan warganegara-warganegara Malaysia ke negara jiran itu supaya membiarkan pakar-pakar "yang mempunyai sijil ijazah yang tidak diperakui" di sana memberi latihan-latihan kepada warganegara-warganegara kita.

Kami adalah sedar banyak dasar-dasar Kerajaan telah melalui proses "Malaysia-nisasi". Walau bagaimanapun, "sistem pengakuan sijil ijazah" yang diwarithi oleh Kerajaan kolonial lalu masih belum dimalaysia-nisasikan. Sebenarnya, sistem pengakuan sijil ijazah adalah satu langkah yang bertujuan mengawal faedah-faedah Kerajaan kolonial itu. Pada masa sekarang, tugas-tugas Kerajaan kita bukanlah mengawal dan menjaga faedah-faedah rakyat Britain. Masa telah sampai, kita mesti mengawal faedah-faedah warganegara-warganegara Malaysia kita.

Untuk menjaminkan bahawa lebih ramai pelajar-pelajar kita diberi peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi mereka dan untuk menjaminkan graduan-graduan kita membuat sumbangan yang besar kepada pembangunan negara kita, saya bercadang bahawa Kerajaan kita patut memberi pertimbangan menasabah dan memberi pengakuan kepada sijil-sijil ijazah yang diperolehi oleh pelajar-pelajar kita itu di universiti-universiti asing. Jika bukan, keadaan itu bukan hanya menyebabkan graduan-graduan itu mengalami kesusahan-kesusahan, bahkan menyebabkan negara-negara asing yang berkenaan merasai usaha-usaha mereka membekalkan peluang-peluang melanjutkan pengajian tinggi kepada pelajar-pelajar kita sia-sia sahaja.

Sementara itu, saya ingin mengingatkan Kerajaan bahawa Kerajaan patut membekalkan tempat-tempat kemasukan universiti-universiti atau kolej-kolej tempatan kepada pelajar-pelajar berketurunan kaum China, terutama mereka yang miskin, oleh kerana pada ketika ini, kadar tempat-tempat kemasukan universiti-universiti tempatan yang diberi kepada pelajar-pelajar berketurunan China boleh dikatakan sangat

kurang tahun demi tahun. Sebagai salah satu cara mengatasi persoalan ini, saya bercadang bahawa Kerajaan patut menggalakkan pertumbuhan lebih banyak universiti-universiti atau kolej-kolej peribadi.

Bawah anggaran belanjawan Rancangan Malaysia Ketiga, adalah diketahui bahawa peruntukan belanjawan Kerajaan adalah sebanyak \$18,600 juta dibandingkan dengan sebanyak \$13,700 juta yang dilaburkan oleh pelabur-pelabur swasta dalam negara kita. Angka-angka ini menunjukkan bahawa pelaburan swasta adalah memainkan peranan yang sangat mustahak dalam seluruh pembangunan negara kita. Oleh sebab yang demikian, penyertaan bidang swasta dalam segala kegiatan-kegiatan ekonomi, menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi dan pembangunan-pembangunan patut digalakkan.

Kami mengetahui bahawa antara semua universiti-universiti tempatan, hanya Universiti Sains di Pulau Pinang mengadakan Rancangan Pengajian Luar Kampus. Rancangan Pengajian Luar Kampus Universiti Sains itu dimulai pada tahun 1971, dasar dan tujuannya adalah seperti berikut:

- (a) memberi peluang melanjutkan pengajian tinggi kepada mereka yang tidak dapat melanjutkan pengajian sepenuh masa di Universiti kerana beberapa sebab walaupun mempunyai kelayakan;
- (b) meninggikan lagi kemampuan daya pengeluaran seseorang yang sedang bertugas; dan
- (c) membetulkan keadaan peluang-peluang pendidikan yang tidak seimbang di antara kawasan yang sudah maju dan kawasan yang kurang maju di Malaysia.

Kami berharap bahawa Kerajaan patut menggalakkan lebih banyak universiti-universiti tempatan menubuhkan Rancangan Pengajian Luar Kampus itu. Oleh kerana hanya bergantung beratus-ratus pelajar-pelajar Rancangan Pengajian Luar Kampus Universiti Sains, Pulau Pinang itu adalah sangat susah mencapai ketiga tujuan-tujuan tersebut.

6.55 p/g.

**Tuan Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang saya bercakap untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Jeneral Tan

Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin untuk melafaskan ucapan terima kasih kepada Titah Ucapan Di-Raja pada 20hb Mac, 1978.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seorang rakan kita yang telah dilantik sebagai Menteri penuh iaitu Yang Berhormat Senator Datok Haji Mohamed bin Nasir sebagai Menteri Perusahaannya Awam dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekiranya tidak melanggar dalam peraturan Dewan Negara ini oleh sebab kesempatan masa yang diberikan kepada ahli-ahli Dewan Negara selama 6 hari dan kalau boleh untuk mendapat pertimbangan daripada Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesyurkan supaya Ahli Dewan Negara diberi peluang untuk berucap dengan masa dan dipanggil nama mengikut abjad. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyurkan sekiranya diberi peluang di masa akan datang.

Saya adalah seorang Senator yang telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Melaka di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan sedikit sebanyak terutamanya dalam masalah Negeri Melaka. Di samping itu suka juga saya menyentuh di dalam beberapa perkara atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong baharu-baharu ini. Oleh sebab kesempatan masa diberi dengan sebegitu rupa maka saya ringkaskan ucapan saya ini. Apa yang saya maksudkan daripada Negeri Melaka ialah baharu-baharu ini yang mana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menyuarakan atas pinjaman wang sebanyak \$1 juta bagi pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka untuk menambahkan modal usahasama satu syarikat yang telah wujud di kawasan Alor Gajah yang dinamakan International Footwear (Malaysia) Sdn. Bhd. Sungguhpun beberapa kali telah Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka membuat rayuan dan penyiasatan lanjut bagi pihak jawatankuasa yang berkenaan telah datang ke Melaka atas kertas-kertas kerja yang telah dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka akhirnya permohonan itu telah ditolak. Dengan ini saya merayu supaya Kementerian yang berkenaan dapat menimbangkan pinjaman yang diperlukan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dalam usahasama Perbadanan ini di Syarikat International Footwear (Malaysia) Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini telah diwujudkan sejak dua tiga tahun yang lalu dan telah menampung lebih kurang 700 orang pekerja samada pekerja-pekerja itu datangnya daripada kawasan Alor Gajah itu sendiri dan juga datangnya daripada seluruh negeri Melaka.

Akhir-akhir ini syarikat ini telah menulis kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka oleh sebab kekurangan dalam masalah pentadbiran atau masalah perniagaan maka lebih kurang 400 pekerja-pekerja itu akan diberhentikan pada awal bulan Mei ini. Ini yang membimbangkan dalam masalah negeri Melaka. Kita sedar bahawa negeri Melaka adalah sebuah negeri yang kecil dan Kerajaan Negeri Melaka mempunyai azam dari masa ke semasa walaupun dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini diletakkan negeri Melaka salah sebuah daripada negeri yang mundur, tetapi negeri Melaka terus menjalankan pembangunan demi pembangunan dari masa ke masa sehingga Melaka sekarang negeri yang bersejarah dan negeri yang tertua di dalam negara kita ini telah dikenali sebagai satu negeri yang membangun di seluruh Semenanjung Malaysia ini. Jadi dengan harapan yang penuh sungguhpun peruntukan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$327 juta tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang telah diperuntukkan daripada \$327 juta itu diberi kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk melaksanakan di dalam segala perkara demi kepentingan rakyat seluruhnya dalam negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menyentuh di dalam masalah Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran telah mewajibkan beberapa matapelajaran yang wajib dan saya rasa matapelajaran sivik juga dijadikan satu mata pelajaran yang wajib. Sebab saya berkata demikian ialah memandangkan setengah-setengah anak-anak kita apabila telah keluar sekolah semasa temuduga untuk mendapatkan kerja, mereka ini tidak dapat menjawab soalan-soalan sebagaimana yang dikemukakan oleh pihak-pihak pegawai yang menemuduga mereka itu terutama Raja, Ibu Negeri dan lain-lain lagi. Saya dapati jika pelajaran sivik ini dapat dititikberatkan, Kerajaan akan dapat menyemai semangat kenegaraan kepada anak-anak bangsanya sendiri dan mereka ini akan mengetahui melalui dari bangku-bangku sekolah betapa soal cintakan negara itu

penting. Dengan itu saya berharap supaya Kementerian Pelajaran akan dapat menimbangkan pandangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah kewarganegaraan bagi pemohon-pemohon yang hendak menjadi warganegara. Inipun wajib dipersoalkan di dalam masalah sivik. Jangan sahaja dipersoalkan mereka ini siapa nama, di mana tinggal—itu sahaja dan lulus sebagai warganegara di dalam negara kita ini. Pelajaran sivik atau mengetahui atau mengendali tatasusila negara kita, pentadbiran Kerajaan kita, ini mustahak. Apa yang kita pastikan bahawa kebanyakan daripada warganegara yang telah diberikan kewarganegaraan di dalam negara kita ini tidak dapat bertutur dengan fasih dan kalau kita tanyakan mereka tidak tahu siapa Yang di-Pertuan Agong dan berapa negeri yang ada dalam Semenanjung Malaysia ini. Ini mustahak. Macam mana kita hendak terima mereka ini sebagai warganegara kita kalau mereka ini tidak tahu latar belakang negara yang mereka hendak menumpukan taat setia mereka terhadap Yang di-Pertuan Agong dan negara kita yang kita cintai. Dalam masalah ini sungguhpun negara kita ini kecil dan sudah sewajarnya pihak Kementerian yang berkenaan menitikberatkan masalah sivik di dalam menemuduga kewarganegaraan pemohon-pemohon yang hendak menjadi warganegara di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah penerbangan ataupun perkhidmatan MAS di negeri Melaka. Negeri Melaka tidak mempunyai hasil bumi sebagaimana yang ada di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Pembangunan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ini boleh kita pastikan bahawa Melaka sekarang tidak dikenali sebagai negeri yang mundur sebagaimana yang dikenali sebagai "sleepy, hollow."

Tuan Yang di-Pertua pernah ke negeri Melaka dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua boleh tengok sendiri. Sekarang lautpun ditambak lebih kurang dalam 300-400 ekar kerana hendak membangunkan negeri Melaka demi kepentingan rakyat negeri Melaka. Jadi kalau sekiranya negeri Melaka ini sebuah negeri yang tertua dan bersejarah dan negeri Melaka jugalah puncanya penjajahan datang dan negeri Melaka jugalah yang dikenali di seluruh dunia terutamanya di negara ASEAN kita ini sebagai satu empire Melayu yang besar sebelum 1511 dan mulai dari satu penjajah ke satu penjajah, akhirnya

tahun 1957 kita mencapai kemerdekaan. Dengan adanya kemerdekaan negara kita ini maka negeri Melaka memberi segala usaha dan tenaga untuk membangunkan apa yang telah dilakukan dan yang telah ditindas dengan sebegitu rupa maka dengan pembangunan itulah ia mendatangkan pelancang-pelancang ke negeri Melaka untuk melihat negeri Melaka yang tertua sekali bahkan Selatnya pun dinamakan Selat Melaka. Jadi dengan keadaan ketiadaan perkhidmatan kapal terbang ini sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa MAS ini bukanlah hendak mencari untung, tetapi untuk berkhidmat kepada rakyat. Pada tahun yang lalu perkhidmatan ini telah putus. Biasanya daripada Kuala Lumpur hendak ke Singapura berhenti di Melaka dan terus ke Singapura. Hari ini terus ke Senai dan balik singgah di Melaka. Siapa hendak pergi ke Melaka kalau macam itu caranya. Tiada siapa hendak pergi. Lebih baik mereka terus ke Singapura daripada Kuala Lumpur. Saya berharap dalam masalah ini dapatlah pihak Menteri yang berkenaan menimbang semula penerbangan MAS di antara Melaka dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh dalam masalah apa yang kita pastikan baru-baru ini yang mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa hampir 80,000 kerjakerja kosong yang perlu diisi di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, dan dimanakah kedudukan apa yang dikatakan Unit Perancang Ekonomi (Economic Planning Unit). Bahagian inilah yang merancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk menentukan Rancangan Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru ini berjalan dengan sempurna dengan adanya pegawai-pegawai yang tertentu di jabatan-jabatan dan Kementerian yang tertentu untuk melaksanakan segala-gala yang telah tercatat di dalam RMT 1976 sampai 1980 dan Kementerian-kementerian yang berkenaan pun sepatutnya tidak semestinya bilamana Timbalan Perdana Menteri mengisytiharkan barulah Kementerian-kementerian dapat memastikan segala kekurangan-kekurangan ataupun Jabatan-jabatan yang berkenaan di dalam Kementerian-kementerian itu menitikberatkan di dalam masaalah rancangan-rancangan dan pegawai-pegawai yang diperlukan untuk menyelaraskan untuk perkhidmatan atau menjayakan dalam rancangan Malaysia Ketiga.

Saya suka menyentuh sedikit sahaja, kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, di dalam masalah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan. Saya pun berasa pelik, dalam masalah launching grant yang telah diberikan bilamana semua Majlis-majlis Tempatan yang telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan, 1971 di mana pada tahun sebelum tahun 1977 Majlis Perbandaran Melaka hanyalah 4 batu persegi sahaja. Pada awal tahun 1977 bila percantuman di antara Majlis Perbandaran Kota Melaka dengan Majlis Daerah Luar Bandar Melaka Tengah telah melibatkan keluasan batu persegi sebanyak 117.75 batu persegi yang mana launching grant ini hanya diberi sebanyak \$1,335,000 sahaja pada tiap-tiap tahun. Itu belum diserahkan, pada bulan Mei ini baru hendak diserahkan.

Apa yang kita rasa tidak puashati, ialah formula annual grant supaya Kementerian ini mengambil perhatian ataupun mengkaji semula base on population iaitu yang pertama 5,000 orang diberi \$7.00 tiap-tiap seorang. Yang kedua, ialah 5,000 orang \$3.50 pada tiap-tiap seorang dan yang ketiganya berdasarkan 40,000 orang 50 sen tiap-tiap seorang. Ini melibatkan kedudukan yang besar bagi Majlis Perbandaran Melaka Tengah hari ini yang hanya mendapat \$1.3 million sahaja. Saya berharap Kementerian yang berkenaan ini dapat mengubahsui atau mempertimbangkan dalam segala masalah untuk memberikan launching grant pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan, maka dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan menyokong penuh di atas Titah Ucapan Di Raja pada 20hb Mac, 1978.

7.15 mlm.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong penuh usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin atas ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil daripada Kerajaan Negeri Perlis telahpun menerima beberapa rungutan daripada rakyat negeri Perlis menyentuh dalam beberapa perkara yang telah berlaku di negeri saya baru-baru ini iaitu yang mana telah disentuh

oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun begitu, saya sukalah menarik perhatian Dewan yang mulia ini terutamanya sebagaimana yang kita semua tahu bahawa di negeri Perlis banyak terdapat belia-belia yang telah terlibat dengan dadah atas pengedarannya dan menghisap dadah. Atas daya usaha Kerajaan pada hari ini boleh dikatakan perkara ini banyak dapat di atasi.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan kemarau. Kejadian kemarau ini menyebabkan banyak rungutan-rungutan dan menjadikan kesusahan kepada petani-petani di negeri Perlis yang mana boleh dikatakan sebanyak 237,000 ekar tanah di dalam kawasan MADA dan di luar MADA Perlis dan Kedah telah mendapat kerugian sebanyak \$170 juta di dalam kawasan MADA dan di kawasan luar MADA yang dianggarkan sebanyak 48,560 ekar dianggarkan kerugian sebanyak \$33.3 juta dan berjumlah kesemuanya \$203.3 juta yang telah rugi di dalam masa kemarau baru-baru ini dan melibatkan petani-petani seramai 88,600 orang. Kejadian kemarau ini telah menjadikan satu kesusahan yang telah menimpa kepada petani-petani di negeri Perlis. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan khasnya Kementerian Pertanian terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang boleh dikatakan beberapa kali telah melawat ke negeri Perlis dan telahpun melawat ke tempat-tempat kejadian dan bantuan-bantuan telahpun dihantar dan kemudian daripada ini yang menjadikan dukacita masih ramai lagi petani-petani yang belum mendapat bantuan-bantuan ini yang mana kita tahu daripada kawasan pertanian wang-wangnya belum sampai lagi dan ini kita harapkan segala bantuan-bantuan ini akan dapat dilaksanakan dengan segeranya oleh Kementerian Pertanian ini memberi bantuan sebagaimana yang telah dijanjikan kepada petani-petani ini.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan rungutan-rungutan petani-petani berkenaan dengan harga padi yang mana telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terdahulu daripada saya. Ini telahpun dirungutkan juga oleh keseluruhan petani-petani berkenaan dengan kos ataupun kerja-kerja yang akan dijalankan oleh petani-petani yang telahpun membelanjakan lebih dan harga padi ini masih belum dinaikkan dan harga padi ini telahpun dijanjikan pada satu

masa akan dinaikkan. Tetapi ditunggu-tunggu oleh petani-petani sehingga hari ini belum dinaikkan. Kita tahu sebuah badan MADA yang mana Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah menjadi Pengerusi di dalam badan ini untuk mengkaji keadaan kedudukan harga padi dan kita berharap pihak Kerajaan kita akan menaikkan harga padi untuk mengimbangkan keadaan kedudukan kos-kos yang saya sebutkan tadi ataupun perbelanjaan-perbelanjaan tinggi yang sempurna kepada petani-petani pada tiap-tiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Kesihatan terutama sekali wabak taun yang telah menyerang negeri Perlis dan beberapa negeri yang lain yang mana mengakibatkan sehingga ke hari ini masih meningkat lagi kejadian penyakit taun ini khasnya di negeri Kelantan. Tetapi bagi negeri Perlis penyakit ini mengakibatkan satu kematian dan empat lagi masih dirawat di hospital. Dan apa yang diharapkan ialah kerana Kerajaan Negeri Perlis kekurangan kewangan untuk menolong rakyat di dalam soal menyuntik ubat-ubat kepada tiap-tiap rakyat di negeri Perlis yang mana kita tahu ramai rakyat yang telah pergi ke hospital untuk menerima suntikan kerana takut dijangkiti penyakit ini tetapi kebanyakan ubatnya masih kekurangan. Jadi dengan kerana itu kita berharap kepada Kementerian Kesihatan akan dapat memberi secepat mungkin bantuan-bantuan terutama sekali berkenaan dengan ubat-ubat suntikan dan juga ubat-ubat yang dibubuh di dalam telaga-telaga atau perigi-perigi yang banyak di kawasan-kawasan di negeri Perlis dan saluran sungai yang mana dapat membunuh kuman-kuman penyakit taun yang sangat merbahaya ini sebelum penyakit ini merebak lebih luas dan lebih dahsyat lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu penyakit ini juga kita tahu membimbangkan kita, kerana banyaknya buah-buahan yang datang daripada negeri jiran kita iaitu Thailand seperti buah mempelam yang banyak pada masa sekarang dan sedikit masa lagi durian pun ada juga. Maka di dalam keadaan ini pun sudah tentu membimbangkan kita. Oleh sebab itu, kita berharap pihak Kerajaan kita khasnya Kementerian Kesihatan akan dapat mengawasi kemasukan buah-buahan daripada

Thailand ini kerana bimbangkan merebaknya penyakit taun yang menimpa negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rungutan ini berbangkit juga di negeri saya, yang mana pada masa dahulu hospital di Perlis ini boleh dikatakan ada pakar yang tertentu khasnya pakar mata. Pada masa dahulu ada ditempatkan di negeri Perlis seorang pakar mata daripada Burma tetapi setelah tempoh perkhidmatannya tamat, maka pakar mata ini telahpun balik ke negaranya dan sehingga hari ini negeri Perlis tidak ada lagi pakar mata hanya didatangkan di dalam seminggu sekali daripada negeri Kedah. Ini sudah tentu mendatangkan kesusahan kepada rakyat negeri Perlis. Di Hospital Kangar juga saya dapati bilik mayat berhawa dingin untuk menempatkan mayat-mayat yang lambat diambil oleh waris-waris tidak ada.

Pada suatu masa telah berlaku di mana seorang warganegara Thailand yang telah ditembak mati kerana menyamun di kawasan tebu telah dibawa ke hospital Kangar dan disimpan di dalam bilik yang tidak berhawa dingin. Kerana kelambatan waris-warisnya datang untuk mengambilnya maka selang 4-5 hari mayat itu telah berbau, dan ketika itu barulah sampai waris-warisnya daripada Thailand untuk mengambilnya. Jadi dengan kerana itu saya berharap Kementerian Kesihatan akan dapat mengadakan sebuah tempat khas untuk menyimpan mayat yang boleh menahan daripada berbau busuk khususnya apabila mayat itu disimpan 4-5 hari.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kedudukan doktor-doktor. Saya tidak tahu keadaan keseluruhannya di Malaysia ini tetapi apa yang saya tahu, di negeri Perlis ada beberapa orang doktor yang baru-baru ini telahpun berhenti. Tentang pemberhentian doktor ini tentulah kita tidak dapat menyekatnya sebab tentulah ada perkara-perkara yang tertentu baginya. Bagi pihak Kerajaan khasnya Kementerian Kesihatan sepatutnya hendaklah mengkaji kedudukan doktor-doktor yang berhenti itu takut ada sebab-sebab yang tertentu menyebabkan mereka

berhenti khasnya dari segi pendapatan yang mana mereka berpendapat jika mereka membuka kelinik sendiri mereka akan mendapat pendapatan yang lebih ataupun kedudukan di dalam hospital ini mendapat gaji yang sangat kurang dan di mana layanan daripada Kerajaan tidak memuaskan dan beberapa perkara lagi seperti beban-kerja yang lebih kepada doktor-doktor ini maka Kementerian Kesihatan patutlah mengkaji dan mengatasi masalah ini. Dan dengan ini akan dapatlah kita mengatasi masalah pemberhentian doktor-doktor ini yang mengakibatkan kesusahan kepada Kerajaan bagi mendapatkan doktor-doktor yang terlatih sedangkan doktor-doktor yang telah berkhidmat ini pula banyak yang berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Keretapi Tanah Melayu. Di dalam soal Keretapi Tanah Melayu ini kita tahu baru-baru ini telahpun berlaku satu pelanggaran yang mana mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Dan kita tahu bahawa kejadian ini disebabkan oleh perbuatan khianat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Kita tahu pada suatu masa dulu ada disebutkan bahawa setelah kita mendapat seorang Pengurus Besar Keretapi yang berusaha bersungguh-sungguh iaitu Datuk Ishak Tadin di mana kita difahamkan bahawa Keretapi Tanah Melayu ini telah mendapat keuntungan sedikit dan selepas daripada itu baru-baru ini kita dengar pula banyak kejadian pengkhianatan yang telah dilakukan ke atas perkhidmatan Keretapi ini. Berbagai-bagai rupa yang dibuat dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi seperti "derailment" dan yang dahsyat sekali ialah kejadian yang berlaku pada 20-4-1978 yang lalu di Salak Selatan dekat Seremban yang mana tidak patut berlaku pelanggaran keretapi itu.

Dengan pelanggaran keretapi ini tentulah agak menghairankan sedikit kerana tidak seharusnya perjalanan keretapi ini boleh jadi pelanggaran. Di dalam hal ini kita berharap kepada Keretapi Tanah Melayu akan membuat penyiasatan dan

mengkaji dengan teliti di dalam soal berlakunya kejadian-kejadian pengkhianatan ini yang dilakukan samada oleh orang dalam ataupun orang luar. Kerana apa yang mem-bimbangkan kita ialah takut kalau-kalau ada orang dalam kita yang masih ada iri hati terhadap apa jua kejayaan yang dibuat oleh Pengurus Besar Perkhidmatan Keretapi kita ini.

Dengan kerana itu kita berharap tindakan dan hukuman yang berat patut dikenakan

kepada mereka yang melakukan peng-khianatan ini yang mana kita tahu bahawa . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Selasa, 25hb April, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*